

Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam 1960

Kerana memandangkan mustahak bagi tatapan pembaca, di bawah ini, selain daripada pendahuluan dan penafsirannya, maka kita siarkan dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam 1960. Rang Undang-undang ini, telah dikemukakan ke hadapan Majlis Mesyuarat Undangan Singapura oleh Tuan Byrne, Menteri Undang-undang dan Buruh. Tatkala mengumumkannya, Tuan Byrne, diantaranya dikatakan mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini telah pun dipersetujui oleh Majlis Penasihat Islam Singapura.

Rang undang-undang ini naskhah asalnya diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan terjemahan rasminya dalam Bahasa Melayu diperedarkan pada am hanya pada 18 Januari 1961 yang lalu sahaja iaitu tiga hari dari jangka waktu masa ditutup orang-orang boleh memberi fikirannya kepada *select committee*. Tetapi khabarnya, kerana ada setengah –setengah ahli Majlis Islam penasihat kerajaan sendiri belum puashati maka jangka waktu itu diperpanjangkan hingga akhir bulan Januari 1961 tetapi dalam masa ini dibuat, kita belum mendapat tahu apa-apa. Selain daripada itu kerajaan tidak bertanggungjawab dalam terjemahan ini, seperti katanya: “Kerajaan Singapura tidak memberi jaminan tentang tepatnya terjemahan ini dan tidak akan bertanggungjawab jika ada apa-apa yang salah atau khilaf di dalamnya.” –P

Bahagian 2

Majlis Agama Islam

3. Akan diadakan sebuah Majlis Agama Islam, Singapura, yang akan menjalankan kerja-kerja yang ditugaskan kepadanya oleh Undang-undang ini dan menasihati Yang Dipertuan Negara dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama Islam di Singapura.

4. Majlis itu ialah suatu perbadanan dengan gelaran “Majlis Agama Islam, Singapura” yang kekal diganti-gantikan dan mempunyai materi perbadanan, dan materi tersebut boleh dari masa ke semasa dipecahkan, ditukar, dipinda serta dibaharui sebagaimana difikirkan wajar oleh Majlis, dan hingga suatu materi diadakan menurut fasal ini, suatu cap (*rubber stamp*) yang bertulis “Majlis Agama Islam, Singapura” boleh digunakan sebagai materi perbadanan.

Kuasa Majlis

5.- (1) Majlis boleh mendakwa dan didakwa dalam mahkamah atas namanya sebagai sebuah perbadanan.

(2) Majlis boleh membuat perjanjian kontrak

dan memiliki, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa jua jenis-jenis harta dan tertakluk di bawah undang-undang yang bertulis mengenai hal tersebut, boleh menyampaikan, menentukan, menyerahkan dan melepaskan, menggadaikan mencagarkan, mewasiatkan, menentukan semula, memindahkan atau dengan lain-lain, jalan melepaskan, atau menguruskan sebarang harta yang dimiliki oleh Majlis dengan syarat-syarat yang difikirkan layak oleh Majlis dan menurut hukum Islam.

(3) Majlis akan berkuasa bertindak selaku penyelenggara wasiat atau selaku penguasa harta pusaka seorang Islam yang telah meninggal dunia atau selaku pemegang amanah bagi mana-mana amanah.

6. – (1) Semua hak-hak, kuasa-kuasa kewajipan-kewajipan dan tanggungan-tanggungan yang mana, sebelum Undang-undang ini berjalan kuatkuasanya, diberikan atau diletakkan ke tangan. Lembaga yang dibentuk dengan Undang-undang Dana Bantuan Orang-orang Islam dan Hindu (*Muslim and Hindu Endowments Ordinance*) mengenai pemberian tanah atau wang atau yang hendak diberikan kerana membantu masjid, sekolah atau lain-lain maksud yang berfaedah atau atau tujuan suci berkaitan dengan agama Islam, akan diberikan atau diletakkan ke tangan majlis manakala

undang-undang mula berjalan kuatkuasanya, kecuali hal-hal yang berlawanan dengan syarat-syarat terkandung dalam Undang-undang ini.

(2) Semua harta benda, yang mana sebelumnya Undang-undang ini dikuatkuasakan, diberi kuasa kepada lembaga yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Dana Bantuan Orang-orang Islam Dan Hindu kerana tujuan-tujuan berkaitan dengan agama Islam atau diamanahkan kerana tujuan-tujuan agama dan kebajikan bagi faedah orang-orang yang menganut agama Islam akan diserahkan kuasanya kepada Majlis, manakala berjalan kuatkuasanya Undang-undang ini, tanpa penyampaian, pemindahan atau penukaran kuasa apa-apapun. Syarat-syarat harta-harta tersebut diserahkan kepada Majlis adalah serupa dengan syarat-syarat yang diletakkan kepada lembaga sebelum Undang-undang ini dikuatkuasakan.

7- (1) Majlis akan mengandungi:

(A.) Seorang Yang Dipertua yang akan dilantik oleh

Yang Dipertuan Negara;

(B.) Seorang mufti;

(C.) Tidak lebih daripada dua orang ahli Dewan

Perhimpunan Undangan yang beragama Islam.

Jika ada, yang akan dilantik oleh

Yang Dipertuan Negara atas usul Menteri,

dan

(D.) Tidak kurang daripada 10 orang anggota yang

akan dilantik oleh Yang Dipertuan negara.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Undang-undang ini dan kecuali dalam surat perlantikan tercatat maksud yang berlawanan, perlantikan anggota Majlis, selain dari mufti, ialah untuk selama tiga tahun dari tarikh perlantikan itu.

(3) Anggota-anggota Majlis itu boleh dilantik semula.

(4) Seseorang tidak boleh dilantik menjadi

ahli Majlis kecuali ianya berumur 21 tahun ke atas

dan menganuti agama Islam.

8. - (1) Setiausaha Majlis akan dilantik oleh

Yang Dipertuan Negara.

(2) Setiausaha akan berhak menghadiri semua

mesyuarat-mesyuarat Majlis akan tetapi tidak berhak mengundi.

9 - (1) Dengan syarat kandungan dalam pecahan

(3) daripada fasal 7 dan fasal 10 dan 11 dalam Undang-undang ini ditaati, perlantikan seorang anggota Majlis akan terhenti-

(A) Manakala ia meninggal dunia;

(B) Kiranya ia memohon meletakkan jawatan dengan surat yang dialamatkan kepada Yang Dipertuan Negara menerusi Setiausaha;

(C) Kiranya ia meninggalkan negara Singapura tanpa surat izin dari Yang Dipertua bagi pihak Yang Dipertuan Negara, selama lebih tiga bulan; atau

(D) Kiranya ia telah dilantik menurut rangkapan

(C) dalam pecahan (1) dari fasal

7 dalam Undang-undang ini manakala ia tidak

lagi menjadi seorang anggota Dewan

Perhimpunan Undangan.

Membatalkan Lantikan

10. Yang Dipertuan Negara boleh membatalkan lantikan seorang ahli Majlis-

(A) Kiranya tingkah lakunya samada berkaitan dengan kewajipan-kewajipan jawatannya itu ataupun yang lain-lain, pada pendapat Yang Dipertuan Negara akan mendatangkan kehinaan kepada Majlis. Atau

(B) Kiranya kerana sesuatu sebab ia tidak dapat menunaikan kewajipan-kewajipan jawatannya dengan sempurna, atau

(C) Kiranya ia tidak menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa sebab-sebab yang diizinkan oleh Yang Dipertua.

11. Dalam hal ketiadaan buat sementara waktu atau keuzuran seseorang ahli Majlis atau Setiausaha Majlis, maka Yang Dipertuan Negara boleh melantik seseorang untuk menyandang jawatan itu buat sementara waktu. Perlantikan sementara seperti itu akan berjalan hingga penjawat jawatan yang asal itu memberitahu Yang Dipertua bila mana ia meneruskan semula jawatannya.

12. Kesemua lantikan-lantikan di bawah bahagian ini dalam Undang-undang ini akan diumumkan dalam Warta kerajaan.

13. – (1) Yang Dipertua boleh menjemput seseorang yang bukan ahli Majlis untuk menghadiri sebarang mesyuarat Majlis kiranya didapati bahawa urusan mesyuarat itu memerlukan kehadiran orang itu.

(2) Seseorang yang dijemput demikian cara berhak mengambil bahagian bermesyuarat, akan tetapi tidak berhak mengundi.

14. – (1) Yang Dipertua akan mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(2) Diwaktu ketiadaannya, Majlis boleh memilih seorang anggota yang lain untuk menjadi pengerusi.

15. - (1) Kecuali satu pertiga daripada ahli-ahlinya hadir, maka urusan Majlis ditegah daripada dijalankan dan ketetapan atau tindakan Majlis tidak akan diiktiraf, kecuali dalam hal penangguhan mesyuarat.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat dalam pecahan (1) dari fasal ini, Majlis boleh bertindak tanpa perhitungan akan sebarang kekosongan dalam keanggotaan.

16.- (1) Materi perbadanan Majlis tidak akan digunakan kecuali melaksanakan satu ketetapan Majlis.

(2) Materi Majlis akan dibubuhkan dengan disaksikan oleh Setiausaha dan dua orang ahli Majlis yang akan menandatangani selaku saksi-saksi.

(3) Surat-surat yang tersebut di bawah ini akan diselenggarakan di bawah materi perbadanan Majlis -

- (A) Surat-surat yang memerlukan pendaftaran menurut sebarang yang Undang-undang bertulis;
- (B) Surat-surat tauliah kepada pegawai masjid bagi sebarang masjid;
- (C) Surat-surat yang mengizinkan seseorang bertugas untuk maksud-maksud yang tertentu bagi pihak Majlis. Dan
- (D) Lain-lain surat seperti yang akan diarahkan oleh Yang Dipertuan Negara dari semasa ke semasa.

17. – (1) Kecuali ada tersebut dalam Undang-undang ini semua urusan-urusan Majlis akan diselenggarakan dalam suatu mesyuarat yang diadakan pada waktu-waktu yang tetap dan

dengan ketetapan oleh suara terbanyak daripada ahli-ahli yang hadir dan yang berhak mengundi.

(2) Suatu ketetapan yang bertulis yang ditandatangani oleh semua ahli-ahli Majlis, kecuali dalam sesuatu perkara yang khas atau jenis perkara-perkara yang mana Yang Dipertuan Negara akan mengeluarkan arahan yang lain, akan mempunyai kesan yang serupa seperti ketetapan yang diluluskan menurut pecahan (1) dalam fasal ini.

18. – (1) Semua mesyuarat-mesyuarat Majlis akan dipanggil oleh setiausahanya.

(2) Yang Dipertua boleh pada sebarang waktu mengarahkan Setiausaha supaya memanggil suatu mesyuarat.

(3) Empat orang ahli Majlis boleh pada sebarang waktu dengan bertulis menuntut seniausaha¹ supaya memanggil suatu mesyuarat Majlis, tetapi mereka hendaklah memberitahukan Setiausaha akan tujuan mereka kerana menghendaki mesyuarat itu dipanggil.

(4) Dalam tempoh tujuh hari sesudah menerima satu perintah atau permintaan menurut pecahan (2) atau (3) dari fasal ini, setiausaha hendaklah memanggil sesuatu mesyuarat.

(5) Sekurang-kurangnya tujuh hari pemberitahuan yang bertulis akan diberikan bagi sesuatu mesyuarat.

Dengan syarat bahawa dalam waktu kecemasan Yang Dipertua boleh memerintahkan supaya pemberitahuan itu disingkirkan.

(6) Pemberitahuan seperti itu boleh dikirimkan melalui pos dialamatkan kepada seorang ahli dialamat tempat kediamannya yang akhir sekali diketahui dan akan dianggap sebagai sudah diterima olehnya.

(7) Pemberitahuan mesyuarat tidak perlu dikirimkan kepada seorang ahli yang pada ketika itu berada di luar Singapura.

Kuasa Yang Dipertua

19. – (1) Yang Dipertua akan menguasai semua perbincangan-perbincangan dan mesyuarat-mesyuarat Majlis dan akan bertanggungjawab kepada Yang Dipertuan Negara.

(2) Yang Dipertua tidak akan meninggalkan Singapura

¹ Ejaan sebenar ialah setiausaha

lebih dari 14 hari terus- menerus tanpa izin terlebih dahulu daripada Yang Dipertuan Negara.

20. Tertakluk kepada perintah-perintah yang akan diberikan kepadanya oleh Yang Dipertua, Setiausaha akan membuat semua kerja utus mengutus dan akan menyimpan semua surat-surat Majlis termasuk semua buku kira-kira dan semua surat milik tanah dan cagaran-cagaran, dan akan bertanggungjawab umumnya bagi memungut, mengira dan menguruskan semua dana-dana Majlis dengan sempurna, dan dalam semua hal yang lain melaksanakan kewajipan-kewajipan yang akan ditugaskan kepadanya menurut Undang-undang ini atau diuntukkan kepadanya dengan perintah Yang Dipertua.

21. – (1) Setiausaha hendaklah menyimpan semua minit-minit mesyuarat Majlis dan pada tiap-tiap mesyuarat minit mesyuarat yang lalu akan dibaca dan disahkan, tertakluk kepada sebarang pindaan yang perlu.

(2) Minit itu hendaklah di masukkan dalam sebuah buku minit Majlis dan hendaklah dicatitkan juga catitan yang lengkap mengenai tiap-tiap ketetapan Majlis.

(3) Secepat yang dapat selepas tiap-tiap mesyuarat Majlis suatu naskah rangka minit itu hendaklah dikirimkan kepada Yang Dipertuan Negara. Kiranya pada masa mengesahkannya, rangka minit itu dipinda, maka hendaklah dengan segera diberitahukan kepada Yang Dipertuan Negara tentang pindaan-pindaan yang dibuat itu.

Susunan Mesyuarat

22. – (1) Pengerusi² akan menetapkan susun mesyuarat dalam sesuatu mesyuarat.

(2) Pengerusi boleh memutuskan aturan bercakap dalam mesyuarat dan boleh pada sebarang waktu menuntut sebarang ahli berhenti daripada bercakap dalam mesyuarat.

(3) Pengerusi akan berhak mengundi kiranya atas sesuatu ketetapan undian yang sama diperolehi maka pengerusi akan mempunyai undian pemutus.

23. Salinan sesuatu ketetapan yang diakui sah oleh Setiausaha sebagai satu salinan ketetapan yang benar akan menjadi keterangan yang cukup dan semua mahkamah hendaklah mengiktirafi tandatangan Setiausaha.

24. Majlis boleh diwakili dalam sebarang mahkamah oleh Yang Dipertua atau Setiausahanya atau oleh seseorang yang dilantik kerana maksud umum atau dalam sesuatu perkara yang tertentu di bawah materi Majlis.

25. Dalam sesuatu perkara kecemasan, Yang Dipertua boleh, setelah berunding dengan Mufti dan Setiausaha, melakukan atau memerintah supaya dilakukan bagi pihak Majlis sesuatu tindakan atau perkara yang boleh dilaksanakan di sisi undang-undang dengan ketetapan Majlis;

Dengan syarat dalam hal tersebut suatu mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dalam tempoh satu minggu sesudah itu guna memersetujui dan menegaskan tindakan yang telah diambil, dan andai kata Majlis tidak berkenan untuk mengesahkan dan memersetujui tindakan itu, Yang Dipertua negara boleh memberikan perintah-perintah atas hal tersebut yang difikirkan patuh olehnya.

26. – (1) Majlis boleh dengan suatu ketetapan mewakilkan kepada Yang Dipertua atau Setiausahanya atau kepada sebarang ahli Majlis sebahagian daripada kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasanya, kuasa-kuasa yang tidak merupakan kuasa kehakiman atau kuasa-kuasa termasuk kehakiman, yang difikirkan patut kerana maksud fasal ini, kuasa-kuasa yang dikurniakan kepada Majlis mengikut fasal 32 dan 33 dalam Undang-undang ini akan disifatkan sebagai kuasa-kuasa termasuk kehakiman.

(2) Adalah menjadi kewajipan setiap jawatankuasa Majlis dan seseorang lain atau badan yang kepada mereka telah diwakilkan kuasa-kuasa Majlis bagi memberitahukan kepada Majlis akan semua tindakan-tindakan dan hal-hal yang dilakukan sebagai jawatankuasa tersebut atau sebagai memenuhi pengwakilan kuasa itu.

27. Perbincangan-perbincangan Majlis hendaklah dirahsiakan dan tidak seorang ahli atau pesuruhnya pun akan memberitahukan atau menyatakan kepada sesiapa pun kecuali kepada Yang Dipertuan Negara seorang ahli Majlis, akan sebarang perkara yang telah dibangkitkan dalam mesyuarat kecuali ianya diizinkan berbuat demikian.

28. Anggota-anggota Majlis hendaklah disifatkan sebagai pekerja-pekerja berkuasa bagi maksud *Penal Code*.

29. – (1) Majlis boleh tertakluk kepada syarat-syarat

² Ejaan sebenar ialah Pengerusi

dalam undang-undang ini, memutuskan semua masalah-masalah berkaitan dengan peraturan dan perjalanannya sendiri.

(2) Semua perhubungan daripada Majlis kepada Yang Dipertuan Negara akan dikirimkan menerusi menteri

Lantikan Mufti

30. – (1) Yang Dipertuan Negara boleh, sesudah berunding dengan Majlis, melantik seorang yang layak dan munasabah untuk menjadi Mufti bagi negara Singapura.

Lantikan itu akan diumumkan dalam Warta Kerajaan.

(2) Mufti itu akan menjadi seorang ahli Majlis atas nama jawatannya.

31. – (1) Majlis hendaklah mempunyai suatu jawatankuasa Undang-undang yang terdiri dari Mufti, dua orang anggota Majlis, dan tidak lebih daripada dua orang Islam yang lain yang munasabah dan layak yang bukan anggota Majlis.

(2) Anggota-anggota jawatankuasa Undang-undang ini, selain Mufti, akan dilantik oleh Yang Dipertuan Negara bagi satu jangka waktu yang difikirkan patuh olehnya dan tiap-tiap lantikan itu akan diumumkan dalam Warta Kerajaan.

(3) Pengerusi jawatankuasa Undang-undang ini ialah Mufti, dan Yang Dipertuan Negara akan melantik seorang yang lain yang diusulkan oleh Majlis untuk menjadi pengerusi ketika ketiadaan mufti.

(4) Pengerusi dan dua orang lagi ahli-ahli jawatankuasa Undang-undang ini, seorang daripadanya hendaklah bukan seorang ahli Majlis, akan menjadi cukup bilangan.

(5) Tertakluk kepada syarat-syarat dalam Undang-undang ini, jawatankuasa Undang-undang ini boleh mengatur tata perjalanannya sendiri.

(6) Ahli-ahli jawatankuasa Undang-undang ini akan disifatkan sebagai pekerja berkuasa bagi maksud *Penal Code*.

Fatwa

32. – (1) Sesiapapun boleh, dengan surat yang dialamatkan kepada Setiausaha, memohon kepada Majlis

supaya mengeluarkan suatu fatwa atas sebarang hal atau perkara mengenai hukum Islam. Manakala menerima permohonan seumpama itu Setiausaha hendaklah serta-merta mengemukakan perkara tersebut kepada Pengerusi Jawatankuasa Undang-undang.

(2) Jawatankuasa Undang-undang akan mempertimbangan tiap-tiap sesuatu permintaan dan akan, kecuali pada pendapatnya soalan yang dikemukakan itu berupa soalan remeh atau kerana lain-lain sebab yang munasabah tidak perlu dijawab, menyediakan satu rangka fatwa mengenai hal itu. Kiranya rangka fatwa itu dipersetujui sebulat suara oleh Jawatankuasa Undang-undang atau ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir yang berhak mengundi, pengerusi bagi pihak dan atas nama Majlis hendaklah serta-merta mengeluarkan satu fatwa yang berkaitan itu. Kiranya dalam perkara tersebut jawatankuasa Undang-undang itu tidak mendapat kebulatan suara, soalan itu akan diserahkan kepada Majlis yang akan mengeluarkan fatwanya menurut pendapat suara yang terbanyak daripada ahli-ahlinya.

(3) Majlis boleh pada sebarang waktu atas kehendaknya sendiri membuat dan menerbitkan sesuatu fatwa atau penentuan atas sebarang masalah.

(4) Andai kata dalam sebuah mahkamah sebarang soalan mengenai hukum Islam yang menghendaki keputusan dan mahkamah itu meminta pendapat Majlis atas masalah itu, soalan itu akan diserahkan kepada Jawatankuasa Undang-undang ini yang akan, bagi pihak dan atas nama Majlis memberikan pendapatnya menurut suara terbanyak ahli-ahlinya, dan mengaku sah akan pendapat itu kepada mahkamah yang memintanya.

Kuasa Yang Hendak Dikuti

33. – (1) Tatkala mengeluarkan sesuatu fatwa dengan menurut cara-cara yang telah disyaratkan dalam Undang-undang ini, Majlis dan jawatankuasa Undang-undang ini hendaklah pada ghalibnya mengaku qawl dalam mazhab al-Shāfi‘ī; dengan syarat bahawa, kiranya Majlis atau Jawatankuasa Undang-undang memikirkan iaitu dengan mengikut qawl dalam mazhab al-Shāfi‘ī itu akan berlawanan dengan kepentingan umum, maka Majlis boleh mengikut qawl daripada salah satu mazhab dalam hukum Islam yang difikirkan sesuai, akan tetapi tatkala membuat fatwa

itu syarat-syarat dan lunas-lunas yang telah diikuti itu hendaklah dibuktikan dengan jelas dan dengan penjelasan-penjelasan yang mustahak.

(2) Walau bagaimanapun, apabila fatwa atau pendapat Majlis atau Jawatankuasa Undang-undang telah diminta berkaitan dengan qawl-qawl dalam sesuatu mazhab yang khusus, Majlis atau Jawatankuasa Undang-undang hendaklah memberi fatwa atau pendapatnya sebagaimana menurut qawl-qawl dalam mazhab yang tertentu itu dalam hukum Islam.

(3) Sebarang fatwa diberikan oleh Majlis, sama secara langsung atau menerusi Jawatankuasa Undang-undangnya sebagaimana menurut syarat-syarat yang tersebut di atas kiranya diperintahkan oleh Yang Dipertuan Negara akan diterbitkan dalam Warta Kerajaan dan akan terikat ke atas semua orang-orang Islam yang tinggal dalam Singapura.

Bahagian 3

Mahkamah Syariah

34. Yang Dipertuan Negara boleh dengan mengumumkan dalam Warta Kerajaan menubuhkan sebuah Mahkamah Syariah bagi negara Singapura yang kemudian daripada ini disebutkan dalam bahagian ini dalam Undang-undang ini sebagai "Mahkamah".

35. – (1) Mahkamah akan mempunyai kuasa kehakiman di seluruh negara Singapura dan akan dipengerusikan oleh Pendaftar atau seorang lelaki Islam yang akan dilantik oleh Yang Dipertuan Negara.

(2) Mahkamah akan membicarakan dan menentukan semua tindakan-tindakan dan perkara-perkara dalam mana yang terlibat semuanya adalah orang-orang Islam dan melibat persengketaan mengenai:-

- (A) Perkahwinan;
- (B) Perceraian yang diketahui dalam hukum Islam sebagai fasakh, cerai, taklik khulu' dan talak, selain daripada perceraian dengan persetujuan pihak-pihak yang bersangkutan;
- (C) Pertunangan, pembatalan perkahwinan atau berpisah dengan perintah mahkamah pengadilan;
- (D) Pemberesan atau pembahagian harta waktu bercerai.
- (E) Pembayaran mas kahwin, nafkah dan mut'ah

(3) Mahkamah akan mempunyai kuasa Kehakiman bagi mendengar ulang bicara daripada keputusan seorang Kadi atau Naib Kadi di bawah fasal 101 dalam Undang-undang ini.

36. – (1) Mahkamah akan mempunyai dan menggunakan materi atau cap yang akan diperkenankan oleh Menteri.

(2) Surat-surat saman Mahkamah akan dikeluarkan dengan materi Mahkamah dan ditandatangani oleh pegawai menjadi ketua Mahkamah itu.

Bahasa

37. – (1) Bahasa yang digunakan dalam Mahkamah ialah Bahasa Kebangsaan dan Inggeris.

(2) Semua surat dan butir-butir perbicaraan yang bertulis boleh ditulis atau ditaip dalam bahasa kebangsaan (tulisan Jawi atau Rumi) atau dalam bahasa Inggeris.

(3) Mahkamah akan menyampaikan serta menyediakan catitan-catitan yang lengkap lagi sempurna bagi semua perbicaraan-perbicaraan dan menyimpan serta menyediakan semua kira-kira mengenai urusan-urusan kewangan mahkamah.

38. Setiap pihak dalam mana-mana perbicaraan hendaklah hadir sendiri atau diwakili oleh peguam atau wakil, yang dizinkan oleh Mahkamah secara umum atau khas.

Surat Saman

39. – (1) Surat saman mahkamah hendaklah dihantar oleh seorang pegawai mahkamah atau oleh seorang lain yang khas yang diizinkan oleh mahkamah, dan boleh diberikan kepada orang berkenaan disebarang tempat di dalam Singapura.

(2) Hendaklah dihantar sendiri surat saman itu kecuali kerana sebab-sebab yang istimewa mahkamah akan memerintahkan dihantar dengan cara yang lain. Penyerahan saman dengan jalan yang lain itu hendaklah diperbuat menurut perintah mahkamah dan kemudian akan disifatkan sebagaimana menghantarkannya sendiri.

(3) Penyerahan dengan sendiri hendaklah diperbuat dengan menyerahkan kepada orang yang berkenaan surat saman yang asal ataupun salinan yang dimaterikan dan ditandatangani. Sekiranya orang yang hendak diserahkan kepadanya surat saman itu enggan menerimanya, hal ini boleh diberitahukan kepadanya dan surat itu ditinggalkan disisinya.

(4) Seorang yang telah menghantarkan surat saman hendaklah serta-merta membuat kenyataan tertulis di mahkamah menyatakan tempatnya, waktunya dan cara menyampaikan surat itu.

(5) Penyerahan saman hendaklah dibuktikan jika perlu dengan keterangan lisan (lisān).

Surat Waran

40. Dalam perkara yang ianya berkuasa mengeluarkan surat saman menuntut kehadiran seseorang, mahkamah boleh mengeluarkan, sesudah mencatatkan sebab-sebabnya, surat waran supaya orang itu ditangkap jika sekiranya –

(A) Samada sebelum saman dikeluarkan ataupun sesudah saman itu dikeluarkan akan tetapi sebelum tiba waktunya yang ditetapkan ianya hadir, mahkamah mempunyai sebab-sebab untuk mempercayai bahawa ia telah melarikan dirinya atau tidak akan mentaati surat saman itu; ataupun

(B.) Jika sekiranya pada waktu yang ditetapkan ianya hadir, ia tidak hadir, dan dapat dibuktikan bahawa saman itu telah dihantarkan kepadanya dalam tempoh yang cukup untuk membolehkan ianya hadir menurut perintah saman itu dan alasan yang munasabah kerana tidak hadir tidak diberikan olehnya.

Aturan Berbalas-balasan Dengan Persekutuan Tanah Melayu

41. – (1) Apabila dibawah undang-undang yang dikuatkuasakan dalam sesebuah negeri Persekutuan Tanah Melayu seorang Kadi telah mengeluarkan satu saman menuntut seorang supaya hadir dalam sebuah mahkamah Islam Persekutuan Tanah Melayu, dan orang itu ada atau dipercayai ada di Singapura, Yang Dipertua mahkamah boleh menandatangani saman itu, dan saman-saman seumpama itu kemudian boleh diserahkan kepada orang yang ditujukan sebagai satu saman yang dikeluarkan oleh mahkamah itu menurut syarat-syarat dalam Undang-undang ini.

(2) Apabila dibawah Undang-undang yang dikuatkuasakan dalam sesebuah negeri di Persekutuan Tanah Melayu suatu saman yang dikeluarkan oleh mahkamah atau seorang Kadi atau Naib

Kadi di Singapura yang telah diakui oleh seorang Kadi di Persekutuan Tanah Melayu dan diserahkan kepada orang yang dimaksudkan itu, saman-saman itu akan dianggap sah menurut Undang-undang ini dan seolah-olah saman itu telah dihantarkan di Singapura.

Keterangan

42. – (1) Mahkamah akan menghormati semua syarat-syarat dalam hukum Islam mengenai bilangan, taraf atau mutu saksi-saksi atau keterangan yang diperlukan bagi membuktikan sesuatu kenyataan kecuali sebagai yang tersebut di atas, mahkamah akan menghiraukan undang-undang memberi keterangan yang berjalan kuasanya di Singapura pada masa ini dan hendaklah berpandukan Undang-undang itu tetapi tidak pula diwajibkan menurut dengan tepatnya akan undang-undang keterangan itu.

(2) Mahkamah boleh melakukan upacara mengangkat sumpah dan membuat akuan. Keterangan ghalibnya akan diberi dengan mengangkat sumpah menurut satu cara yang terikat ke atas orang-orang Islam, akan tetapi mahkamah dengan alasan-alasan yang khas boleh mengenyepikan upacara mengangkat sumpah dan mengambil keterangan dengan menyuruh saksi membuat akuan sebagai ganti mengangkat sumpah. Samada mengankat sumpah atau mengaku bercakap benar, seorang saksi adalah diwajibkan menyatakan yang benar.

(3) Kiranya pada pendapat mahkamah seorang saksi dengan sengahaja³ telah memberi keterangan yang palsu dalam sesuatu pembicaraan, mahkamah boleh melaporkan hal itu kepada Peguam Agung negara.

Kuasa Mahkamah

43. Mahkamah akan mempunyai kuasa-kuasa seperti di bawah ini:-

(A.) Bagi mendapatkan dan menerima keterangan-keterangan, yang bertulis atau lisan, dan bagi memeriksa orang-orang yang menjadi saksi-saksi yang mana difikirkan wajar oleh mahkamah untuk berbuat demikian;

(B.) Bagi menuntut supaya keterangan, samada bertulis atau lisan, yang diberikan oleh seorang saksi dibuat dengan mengangkat

³ Perkataan sebenarnya ialah sengahaja

sumpah atau dengan mengaku bercakap benar ataupun dengan surat sumpah;

(C.) Bagi memanggil seorang supaya menghadiri mahkamah untuk memberi keterangan atau menunjukkan surat atau lain-lain benda yang ada pada dirinya dan untuk memeriksa ia selaku seorang saksi atau menuntut agar ia menunjukkan surat atau lain-lain barang yang ada pada dirinya.

(D.) Bagi mengeluarkan perintah menangkap (surat waran) guna memaksa kehadiran seseorang yang telah enggan hadir setelah dipanggil supaya hadir, dan yang telah tidak hadir tanpa sebab-sebab yang memuaskan mahkamah dan memerintahkan ia supaya membiarkan semua ongkos akibat memaksa ia hadir kerana sebab kengganannya mentaati surat saman;

E.) Bagi menggunakan kuasa-kuasa sebuah mahkamah pengadil (majistret) untuk menguatkuasakan suatu waran tangkap atau hukuman penjara dan hukum sebuah mahkamah di bawah Bab XXXII dari Undang-undang Peraturan Jenayah - *Criminal Procedure Code* -

44. Dengan sebab-sebab yang memuaskan, mahkamah boleh menangguhkan sebarang perbicaraan dari semasa ke semasa dan daripada satu tempat kepada satu tempat yang lain. Kecuali seperti yang tersebut di atas, perbicaraan dalam mahkamah akan dilangsungkan dalam bangunan mahkamah.

45. Mahkamah boleh menetapkan, dan boleh pada sebarang waktu melanjutkan atau memendekkan waktu bagi melakukan sesuatu, dan kerana tidak memenuhi perintah yang telah dikeluarkan, boleh meneruskan perbicaraan seolah-olah pihak yang bersalah telah tidak hadir.

46. Tiap-tiap perbicaraan dalam mahkamah akan dilangsungkan secara terbuka.

Dengan syarat bahawa mahkamah boleh, kiranya ia memikirkan munasabah memerintahkan supaya seluruh atau

sebahagian daripada perbicaraan itu dijalankan dengan sulit iaitu tertutup.

Cerai Atas Permintaan Isteri

47.- (1) Seorang perempuan yang bernikah boleh bermohon kepada mahkamah meminta cerai menurut hukum Islam.

(2) Di dalam perkara seumpama itu maka hendaklah mahkamah, tertakluk kepada syarat-syarat fasal 50 dalam Undang-undang ini, memanggil suami itu hadir ke mahkamah dan bertanya samada ia bersetuju dengan perceraian itu, dan jika sekiranya suami itu bersetuju maka hendaklah mahkamah menyuruh suami itu melafazkan perceraian itu dan setelah menjelaskan pembayaran yang telah ditetapkan menyelenggarakan supaya perceraian itu didaftarkan.

(3) Seandainya suami itu tidak bersetuju hendak menceraikan isterinya, akan tetapi kedua-dua pihak bersetuju bercerai dengan tebus talak (khulu'), maka mahkamah bolehlah mentaksirkan pembayaran yang akan dibayar oleh isteri itu menurut taraf dan kemampuan kedua-dua pihak dan sesudah itu menyuruh suami itu melafazkan cerai dengan tebus talak dan sesudah menjelaskan bayaran-bayaran yang ditetapkan menyelenggarakan supaya perceraian itu didaftarkan.

(4) Jika sekiranya suami itu tidak bersetuju dengan bercerai khulu', bolehlah mahkamah melantik satu hakim sebagaimana mengikut fasal 51 Undang-undang ini.

Cerai Taklik

48.- (1) Seorang perempuan yang bernikah boleh, jika ia berhak menurut hukum Islam menuntut cerai sebagaimana syarat-syarat yang termaktub dalam surat takliknya yang diperbuat tatkala bernikah, bermohon kepada mahkamah supaya mengisytiharkan bahawa perceraian telah berlaku.

(2) Mahkamah hendaklah memeriksa surat taklik itu dan melakukan siasat periksa yang nampak kepadanya perlu guna memastikan samada perceraian itu sah atau tidak dan hendaklah, jika ia puas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut hukum Islam, mengesahkan perceraian itu, dan sesudah menjelaskan pembayaran-pembayaran yang ditentukan hendaklah menyelenggarakan supaya perceraian itu didaftarkan.

Fasakh

49. – (1) Mahkamah boleh menerima daripada seorang perempuan yang telah berkahwin dan bermastautin dalam Singapura sekurang-kurangnya selama empat bulan suatu permohonan hendak bercerai yang diketahui dalam hukum Islam sebagai fasakh.

(2) Sebaik-baik menerima permohonan itu maka mahkamah akan serta-merta menghantarkan saman kepada suami perempuan itu.

(3) Mahkamah hendaklah mencatatkan dalam sebuah buku yang akan disimpan untuk maksud itu kenyataan bersumpah perempuan perempuan itu dan sekurang-kurangnya dua orang saksi, kenyataan bersumpah suaminya, dan kemudian daripada itu, boleh kiranya mahkamah puas hati bahawa syarat-syarat hukum Islam telah dipenuhi, menjatuhkan hukum atau mengeluarkan perintah atau keputusan cerai menurut yang sah disisi hukum Islam.

(4) Tatkala mengeluarkan perintah cerai di bawah fasal ini mahkamah hendaklah segera mendaftarkan perintah cai⁴ itu.

(5) Daftar itu akan ditanda tangani oleh pegawai yang mengetahui mahkamah, oleh perempuan yang menerima hukum atau perintah tersebut dan sekurang-kurangnya oleh dua orang saksi yang mana keterangan mereka telah diambil oleh mahkamah.

Peramaian⁵

50. – (1) Sebelum membicarakan suatu permohonan hendak cerai talak, fasakh, khulu' atau nusyuz mahkamah boleh melantik seorang atau lebih daripada seorang untuk menjadi pendamai supaya melakukan kerujukkan diantara kedua-dua pihak.

(2) Bila membuat lantikan itu mahkamah, di mana dapat, hendaklah memberi keutamaan kepada saudara mara yang dekat bagi kedua-dua pihak yang mengetahui hal keadaan perkara tersebut.

(3) Orang-orang yang dilantik sebagai pendamai hendaklah berusaha melakukan kerujukkan di antara kedua-dua pihak dan hendaklah melaporkan hasil perdamaianya kepada mahkamah.

Melantik Hakim

51. – (1) Sebelumnya mengeluarkan perintah atau

menjatuhkan hukum talak, fasakh, taklik, khulu' atau nusyuz, mahkamah boleh melantik sebagaimana menurut hukum Islam dua hakim, masing-masing bagi mewakili suami dan isteri. Bila melantik hakim ini mahkamah, dimana dapat, hendaklah memberi keutamaan kepada saudara mara yang dekat bagi kedua-dua pihak yang mengetahui hal keadaan perkara tersebut.

(2) Mahkamah boleh memberi arahan-arahan kepada hakim mengenai perjalanan penyelesaian dan mereka hendaklah menjalankan penyelesaian itu mengikut arahan-arahan itu dan sebagaimana mengikut hukum Islam. Kiranya di antara mereka persetujuan tidak tercapai, atau mahkamah tidak puas hati dengan perjalanan penyelesaian mereka, ia boleh memberhentikan mereka itu dan melantik hakim yang lain menggantikan tempatnya.

(3) Hakim itu hendaklah berusaha untuk mendapatkan daripada kedua-dua pihak masing-masing kuasa yang penuh, dan boleh, kiranya kuasa mereka itu membenarkan menjatuhkan hukuman cerai, dan dalam perkara tersebut hendaklah melaporkannya kepada mahkamah untuk didaftarkan.

Nusyuz

52. Dalam sesuatu perkara dimana pihak-pihak yang berkenaan telah bermastautin tidak kurang dari empat bulan di Singapura, mahkamah boleh menyiasat perkara-perkara yang terbit daripada hukum Islam mengenai keingkaran yang disebutkan nusyuz, dan mahkamah boleh memutuskan sesuatu yang sah disisi hukum Islam.

Nafkah Isteri

53. – (1) Seorang perempuan yang bernikah boleh, dengan membuat permohonan kepada mahkamah, mendapatkan suatu hukuman atau perintah terhadap suaminya supaya membayar dari semasa ke semasa jumlah wang kerana nafkahnya yang ia berhak mengikut hukum Islam.

(2) Seorang perempuan yang diceraikan boleh, dengan membuat permohonan kepada mahkamah, mendapatkan suatu hukuman atau perintah, terhadap bekas suaminya supaya membayar bayaran bagi jangka waktu iddahnyanya, jika sekiranya perceraian itu ialah dengan satu atau dua talak, atau bagaimana juga mengenai dengan tempoh kehamilannya dengan bekas suaminya itu, akan apa-apa juga jumlah wang kerana nafkah yang ia

⁴ Ejaan sebenar ialah cerai

⁵ Perkataan sebenar ialah perdamaian

berhak mengikut hukum Islam.

(3) Seorang perempuan yang telah diceraikan dan yang tidak berhak memperoleh perintah menerima nafkah menurut pecahan (2) dalam fasal ini bolehlah memohon kepada mahkamah, dan mahkamah boleh pula, jika ia puas hati bahawa menelek akan semua keadaan-keadaan dalam perkara itu mendapati adil dan saksama, mengeluarkan perintah atau hukuman ke atas bekas suaminya supaya ia menjelaskan apa-apa jua jumlah wang bagi jangka waktu yang mahkamah fikirkan munasabah.

Tuntutan Mas Kahwin Dan Mut'ah

54. – (1) Mahkamah akan mempunyai kuasa bagi menyiasat atau memutuskan atas tuntutan-tuntutan oleh perempuan-perempuan yang bersuami atau perempuan yang telah diceraikan bagi mendapatkan nafkah dan mas kahwin.

(2) Seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya boleh memohon kepada mahkamah untuk mendapat mut'ah dan mahkamah setelah membicarakan kedua-dua pihak boleh memerintahkan pembayaran sejumlah wang yang difikirkan adil menurut hukum Islam.

(3) Dalam sesuatu permohonan minta cerai mahkamah boleh, pada sebarang peringkat perbicaraan atau sesudah perintah dikeluarkan, membuat perintah-perintah yang difikirkan munasabah olehnya mengenai dengan:-

- (A.) Mas kahwin kepada isteri;
- (B.) Pembayaran mut'ah kepada isteri; dan
- (C.) Penyelesaian atau pembagian⁶ harta tatkala bercerai.

(4) Peraturan mengenai pendakwaan di bawah fasal ini hendaklah seperti yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat menurut Undang-undang ini.

Menguatkuasakan Perintah-perintah

55. Kiranya seorang enggan menurut atau mengabaikan sesuatu perintah mahkamah menurut fasal 54 dalam Undang-undang ini, mahkamah boleh memerintahkan kerana tiap-tiap keingkaran supaya bayaran wang atau taksiran harta yang dikenakan itu didapati daripadanya menurut cara mengenakan denda yang dikenakan oleh sebuah mahkamah pengadil, atau boleh menjatuhkan hukuman penjara ke atasnya selama enam bulan.

Mensifatkan Meninggal Dunia

56. Jika suami kepada seorang perempuan yang bernikah telah meninggal dunia atau dipercayai telah meninggal dunia, ataupun tidak ada apa perkhabaran dari halnya selama suatu jangka waktu yang panjang yang di dalam keadaan-keadaan yang mengharuskan isteri itu berkahwin lagi, iaitu disifatkan menurut hukum Islam telah meninggal dunia, akan tetapi surat kematian tidak boleh diperolehi, maka bolehlah mahkamah atas permintaan isteri itu dan sesudah siasat periksa yang wajar dilakukan, mengeluarkan surat yang mensifatkan peninggalan dunia suaminya itu menurut hukum Islam dan kemudian daripada itu perempuan itu adalah bebas boleh berkahwin lagi dan surat kematian itu hendaklah dianggap sebagai surat kematian suaminya itu dalam bidang pentafsiran fasal 93, pecahan (B) dari Undang-undang ini.

Ulang Bicara

57. – (1) Satu Ulang Bicara akan diserahkan kepada Lembaga Ulang Bicara yang ditubuhkan bagi menimbangkan semula sebarang keputusan mahkamah, dan Lembaga Ulang Bicara akan menimbangkan semula-

- (A.) (1) Jika diminta oleh seorang yang menderita kerugian⁷ akibat keputusan itu kiranya jumlah wang yang dirayukan itu tidak kurang daripada dua puluh lima ringgit;
- (2) Dalam semua perkara yang melibatkan sesuatu keputusan mengenai taraf diri seseorang yang menderita kerugian akibat keputusan itu, jika diminta olehnya.
- (3) Dalam semua hal yang berkaitan dengan nafkah tanggungannya, jika diminta oleh seseorang yang menderita kerugian akibat keputusan itu;

Dengan syarat bahawa keputusan yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang bersangkutan tidak boleh diulang bicara lagi; dan

- (A.) Dalam lain-lain hal, kiranya Lembaga Ulang Bicara Ulang Bicara mengizinkan ulang bicara itu.

Sambungannya pada muka 26

⁶ pembahagian

⁷ Ejaan sebenar ialah kerugian

Hukum Islam

Sambungan dari muka 23

(2) Tiap-tiap permohonan Ulang Bicara hendaklah dimajukan dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh keputusan yang hendak diulang bicarakan itu:

Dengan syarat bahawa mahkamah boleh kiranya difikirkan munasabah membenarkan permohonan Ulang Bicara dikemukakan selepas habis tempoh itu.

(3) Pemberitahuan Ulang Bicara hendaklah dikirimkan oleh orang yang memohon Ulang Bicara kepada Lembaga Ulang Bicara menerusi Pendaftar dan kepada semua orang-orang lain yang ada kaitannya dengan perkara yang akan diulang bicarakan itu.

(4) Yang Dipertuan Negara akan melantik pada tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya tujuh orang Islam untuk menjadi satu jemaah yang daripada mereka boleh ditubuhkan suatu Lembaga Ulang Bicara terdiri dari tiga orang oleh Setiausaha Majlis dari semasa ke semasa.

(5) Apabila seorang merayu terhadap keputusan mahkamah atau bermohon hendak merayu menurut syarat pecahan (1) dalam fasal ini, Setiausaha Majlis akan memilih tiga orang untuk menubuhkan satu Lembaga Ulang Bicara bagi membicarakan rayuan itu dan akan melantik seorang daripadanya bagi menguruskan¹ Lembaga itu.

(6) Atas sesuatu rayuan, Lembaga Ulang Bicara boleh mengesahkan, membatalkan atau meminda keputusan mahkamah, menggunakan kuasa seperti yang digunakan oleh mahkamah, membuat perintah seperti yang akan diperintahkan oleh mahkamah atau memerintahkan supaya dibicarakan sekali lagi.

(7) Keputusan Lembaga Ulang Bicara itu adalah muktamad.

Pengkajian

58. – (1) Yang Dipertuan Negara boleh, menurut kebijaksanaan, meminta rekod pembicaraan mahkamah, Pendaftar, Kadi atau Naib Kadi dan boleh merujuk rekod tersebut kepada Majlis untuk pertimbangan.

(2) Sesudah mempertimbangkan perkara tersebut Majlis boleh menasihatkan bahawa keputusan mahkamah, Pentadbir, Kadi atau Naib Kadi, mana yang berkenaan,

diubah, dipinda atau diperbaiki dan tatkala itu Yang Dipertuan Negara bolehlah memerintahkan supaya keputusan itu diubah, dipinda atau diperbaiki.

(3) Tiap-tiap satu keputusan yang diubah atau diperbaiki demikian cara akan disifatkan sah dalam segala seperti yang dibuat oleh mahkamah, Pendaftar, Kadi atau Naib Kadi yang keputusannya telah dikaji.

Bahagian 4 Kewangan

59. – (1) Dengan ini tertubuhlah satu dana yang akan digelar dana bantuan umum. Terkecuali disyaratkan dalam fasal-fasal dalam Undang-undang ini dana tersebut akan mengandungi semua wang dan harta benda, yang bergerak atau tak bergerak yang menurut hukum Islam atau menurut syarat-syarat dalam Undang-undang ini atau peraturan-peraturan yang dibuatnya terkumpul atau dibayar oleh seseorang atau dibayar kepada dana itu.

(2) Semua zakat dan fitrah yang dipungut sebagaimana menurut bahagian ini, dalam Undang-undang ini, akan dibayarkan ke dalam dana ini tetapi akan disimpan dalam satu kira-kira dana yang berasingan.

(3) Semua wang dan harta dalam dana akan diserahkan kepada penjagaan kuasa Majlis yang akan mentadbirkan semua wang-wang dan harta itu menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Undang-undang ini:

Dengan syarat bahawa penanaman modal dan dana yang diserahkan kuasanya kepada majlis boleh dijual, didatangkan hasil dan diusahakan. Dan ianya serta hasil pendapatannya boleh ditanam dari semasa ke semasa dalam sebarang tempat penanaman modal yang diluluskan oleh mana-mana undang-undang yang bertulis yang pada ketika itu berjalan kuatkuasanya kerana penanaman dana-dana amanah.

(4) Tertakluk kepada syarat dalam undang-undang ini Majlis dengan persetujuan Yang Dipertuan Negara, boleh membuat peraturan-peraturan bagi memungut, mentadbir dan membahagikan semua harta dana.

Wakaf dan Nazar Waqaf dan Nazar

60. – (1) Selepas Undang-undang ini mula dikuatkuasakan, apakala seorang Islam meninggal dunia dalam keadaan-keadaan yang menurut syarat-syarat dalam hukum Islam

¹ Perkataan sepatutnya ialah mempengerusikan

hartanya akan diserahkan atau dibayarkan kepada Baitulmal harta orang yang meninggal dunia itu diserahkan dan dibayarkan kepada Majlis menjadi sebahagian daripada dana.

(2) Tanpa perhitungan akan syarat-syarat yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang yang bertulis atau dalam surat atau pengisytiharan yang menguasai atau menyentuh perkara tersebut, majlis akan menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, bagi semua nazar am dan bagi kesemua amanah dari serba jenis yang menjadikan badan-badan amanah untuk menyokong dan memajukan agama Islam atau untuk faedah orang-orang Islam menurut hukum Islam sepanjang mengenai harta yang terlibat dengannya dan terletak dalam Singapura.

(3) Fasal 16 dalam Undang-undang Hukum Awam (*Civil Law Ordinance*) tidak akan digunakan kepada orang-orang Islam yang meninggal dunia tidak berwasiat.

61. Semua harta-harta tertakluk kepada syarat-syarat dari fasal 60 dalam Undang-undang ini kiranya terletak dalam Singapura hendaklah diserahkan kepada penjagaan kuasa Majlis, tanpa urusan penyerahan kuasa, pemindahan milik harta atau penukaran kuasa bagi maksud Baitulmal, wakaf atau nazar am.

Sekatan di Atas Menubuhkan Amanah-amanah Kerana Khairat

62. – (1) Sama ada dengan wasiat atau pemberian tatkala hendak meninggal dunia atau tidak wakaf atau nazar yang diperbuat selepas Undang-undang ini dikuatkuasakan dan melibatkan lebih daripada satu pertiga harta orang yang berbuat demikian tidak akan sifatkan sebagai sah yang mengenai kelebihan daripada satu pertiga itu.

(2) Tiap-tiap wakaf khas atau nazar yang diperbuat kemudian daripada Undang-undang ini dikuatkuasakan adalah tak berharga dan tidak sah sama sekali kecuali –

(A.) Yang di-Pertua Majlis telah membenarkan dan mengesahkan hal itu dengan bertulis; atau

(B.) Ianya telah diperbuat di waktu sakit tenat dan si pembuat itu kemudiannya meninggal dunia dan telah diperbuat dengan bertulis dengan surat yang ditulis olehnya sendiri dan

disaksikan oleh dua orang Islam dewasa seorang daripadanya hendaknya seorang Kadi atau Naib Kadi.

Dengan syarat bahawa kiranya seorang Kadi atau Naib Kadi tidak ada seorang Islam yang lain yang tidak berhak menerima apa-apa faedah dalam harta si pembuat itu kiranya si pembuat itu telah meninggal dunia dengan tiada membuat wasiat, boleh menjadi seorang saksi yang layak.

(3) Fasal ini tidak akan dikuatkuasakan untuk menjadikan sah sebarang wasiat, pemberian waktu ajal, wakaf atau nazar yang tidak sah menurut syarat-syarat dalam hukum Islam atau mana-mana undang-undang yang bertulis.

Pendapatan Wakaf dan Nazar

63. – (1) Pendapatan dari suatu wakaf khas, kiranya, diterima oleh Majlis hendaklah digunakan menurut syarat-syarat dalam hukum Islam mengenai wakaf khas.

(2) Pendapatan tiap-tiap wakaf yang lain dan tiap-tiap nazar hendaklah dibayarkan kepada dana dan menjadi sebahagian daripadanya.

Modal daripada wakaf dan nazar am

64. – (1) Terlakkuk kepada syarat-syarat dari pecahan (2) dan (3) dalam fasal ini, modal daripada harta benda dan hasil yang mengenai wakaf atau nazar am yang sah tidak akan menjadi sebahagian daripada dana, tetapi akan digunakan kerana tujuan-tujuan wakaf tersebut atau nazar am dan akan disimpan sebagai dana berasingan.

(2) Kiranya kerana habis tempoh atau dengan sebab perubahan keadaan-keadaan, maka tidak lagi mungkin dijalankan syarat-syarat wakaf atau nazar am dengan mendatangkan faedah, Majlis hendaklah menyediakan satu rancangan untuk menjalankan wakaf atau nazar am menurut kehendak-kehendak wakaf atau nazar am tersebut:

Dengan syarat bahawa Majlis boleh dengan persetujuan bertulis oleh Yang di-Pertuan Negara, memerintahkan supaya harta benda itu dan hasil-hasil daripadanya ditambahkan menjadi sebahagian daripada dana.

(3) Jika syarat-syarat wakaf atau nazar am sedemikian

adanya hingga tidak dinyatakan tentang penggunaan modal harta itu, atau pun tidak nyata dalam apa carakah ianya hendak digunakan, Majlis boleh memerintahkan bahawa modal harta itu ditambah dan dijadikan sebahagian daripada dana.

(4) Segala surat-surat yang menjadi keterangan atau mengenai mana-mana wakaf atau nazar am bersama-sama dengan surat milik harta akan disimpan oleh Majlis.

Susunan Tauliah

65. – (1) Apabila timbul soal mengenai sah atau tidak satu amanah kerana khairat Islam atau mengenai erti atau kesan mana-mana surat atau pemasyhuran yang menjadikan sesuatu amanah khairat Islam, soalan ini akan ditentukan menurut syarat dalam hukum Islam.

(2) Jika pada pendapat Majlis erti atau kesan sebarang tauliah atau pengisytiharan yang menubuhkan wakaf atau nazar sama atau tidak tepat, Majlis boleh merujukkan perkara itu kepada mahkamah bagi menerangkan surat atau pemasyhuran itu dan akan bertindak dengan pendapatan yang diberikan oleh mahkamah.

Laporan Tahunan

66. Majlis akan menyediakan kira-kira dana yang lengkap dan benar dan secepat mungkin kemudian daripada 31 hari bulan Disember pada tiap-tiap tahun mengeluar dan menerbitkan dalam Warta Kerajaan satu laporan atas pergerakan-pergerakannya pada tahun yang lalu, disertai bersama-sama dengan neraca kira-kira dana pada 31 Disember, kira-kira pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun ini dan satu senarai harta benda dan penanaman-penanaman modal dana menunjukkan harga, jika dibeli, dan anggaran nilai pada 31 hari bulan Disember.

67. Neraca kira-kira tersebut, kira-kira pendapatan dan senarai penanaman-penanaman modal sebelum dikeluarkan akan diaudit dan diakui sah dan benar oleh Pengarah Audit atau seorang pegawai awam yang diizinkan oleh Pengarah Audit. Satu salinan sijil pemeriksa kira-kira akan dilampirkan kepada semua salinan-salinan laporan dan kira-kira yang dikeluarkan.

Harta Benda Wakaf dan Nazar

68. Secepat mungkin yang dapat kemudian daripada

31 hari bulan Disember pada tiap-tiap tahun, Majlis akan menyediakan, mengeluarkan dan menerbitkan dalam Warta Kerajaan satu senarai mengenai semua harta benda, penanaman-penanaman modal yang diserahkan jagaannya kepada Majlis tertakluk kepada sebarang amanah, wakaf atau nazar, dan tidak menjadi sebahagian daripada dana. Senarai itu hendaklah diaudit menurut cara yang tercatat pada fasal 67 dalam undang-undang ini.

Anggaran

69. (1) Majlis akan menyiapkan dan mengemukakan kepada Yang Dipertuan Negara tidak lewat daripada 31 hari bulan Oktober pada tiap-tiap tahun anggaran pendapatan dan perbelanjaan Majlis, termasuk anggaran semua harta benda yang akan diterima dan boleh dijual bagi tahun akan datang. Yang Dipertuan Negara boleh meluluskan anggaran tersebut atau boleh memerintahkan supaya dipinda. Apabila dilulus atau dipinda anggaran-anggaran itu akan diterbitkan dalam Warta Kerajaan.

(2) Majlis boleh pada sebarang waktu mengemukakan kepada Yang di-Pertuan Negara anggaran perbelanjaan tambahan mengenai tahun yang sedang berjalan, atau pada sebarang waktu sebelum 31 hari bulan Mac pada tiap-tiap tahun, bagi tahun yang lalu dan ini boleh diluluskan atau dipinda dan diterbitkan dalam Warta Kerajaan.

(3) Wang tidak akan dibelanjakan, atau harta benda dijual, kecuali menurut anggaran-anggaran tersebut di atas dan dengan mengeluarkan baucar yang ditandatangani oleh Yang Dipertua.

Perbelanjaan Majlis

70. Semua ongkos, biaya dan perbelanjaan bagi mentadbirkan harta yang diberi kuasa kepada Majlis, termasuk ongkos menjaga dan memperbaiki harta benda yang tidak bergerak, gaji dan biaya semua pekerja-pekerja Majlis, serta bayaran dan biaya yang dibayarkan kepada pegawai atau ahli majlis kerana khidmatnya, akan dibayar daripada harta dana.

71. – (1) Majlis akan menamakan bank-bank yang akan dipersetujui oleh Yang Dipertuan Negara dan akan membuka kira-kira wang yang difikirkan munasabah.

(2) Pembayaran oleh Majlis yang lebih daripada lima

puluh ringgit akan dibuat dengan cek. Semua wang yang diterima oleh atau kerana Majlis akan dimasukkan ke dalam kira-kira bank Majlis menurut cara yang telah ditetapkan.

(3) Cek-cek yang mengeluarkan wang Majlis dalam bank akan ditandatangani oleh Yang Dipertua atau oleh seorang ahli Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua kerana maksud tersebut dan oleh Setiausaha.

Pungutan Zakat dan Fitrah

72. – (1) Majlis akan berkuasa memungut zakat dan fitrah yang dikeluarkan di Singapura menurut hukum Islam:

Dengan syarat bahawa kuasa itu tidak digunakan oleh Majlis hingga satu ketetapan seumpama itu telah diluluskan oleh Majlis dan diperkenankan oleh Yang Dipertuan Negara.

(2) Manakala diterbitkan dalam Warta Kerajaan ketetapan yang disebutkan pada pecahan (1) dari fasal ini dan tertakluk kepada hukum Islam adalah diwajibkan ke atas semua orang-orang Islam di Singapura membayar zakat dan fitrah menurut syarat-syarat dalam undang-undang ini.

(3) Tertakluk kepada syarat-syarat dalam undang-undang ini zakat dan fitrah yang dipungut boleh diselenggarakan oleh Majlis dengan persetujuan Yang di-Pertuan Negara sebagaimana menurut hukum Islam.

73. –(1) Dengan persetujuan Yang di-Pertuan Negara Majlis boleh membuat peraturan-peraturan bagi mengatur semua perkara-perkara yang berkaitan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah.

(2) Dengan tidak menyinggung fasal yang tersebut dahulu daripada ini Majlis dengan persetujuan Yang Dipertuan Negara, boleh membuat peraturan-peraturan-

- (A.) Bagi menetapkan dari semasa ke semasa harga zakat dan fitrah yang akan dibayar oleh semua orang-orang Islam di Singapura;
- (B.) Bagi mengadakan kaedah-kaedah untuk memungut zakat dan fitrah
- (C.) Bagi melantik amil-amil dan pegawai-pegawai untuk memungut zakat dan fitrah dan
- (D.) Untuk mengadakan hukuman terhadap orang-orang

yang memungut zakat dan fitrah tanpa izin.

Rayuan

74. Barang siapa pun boleh mengemukakan bantahan kepada Majlis terhadap tuntutan pembayaran zakat dan fitrah olehnya. Majlis akan menimbang bantahan tersebut dan boleh memerintahkan bahawa orang itu akan membayar zakat dan fitrah yang ia telah dituntut supaya dibayarnya atau harga yang kurang yang difikirkan patut oleh Majlis atau pun orang itu tidak akan membayar pada sebarang tahun atau lebih zakat dan fitrah. Keputusan Majlis atau bantahan-bantahan itu adalah muktamad dan tidak akan didakwa dalam mana mahkamah pun.

Pungutan-pungutan Khairat

75. – (1) Majlis boleh memungut, atau boleh mengeluarkan lesen kepada seseorang atau sekumpulan orang-orang, membenarkan ia atau orang-orang itu memungut wang atau lain-lain derma bagi tujuan khairat kerana menyokong dan memajukan kepentingan agama Islam atau untuk faedah orang-orang Islam menurut hukum Islam, dan boleh mengenakan syarat-syarat yang difikirkan layak tatkala memberikan lesen-lesen tersebut.

(2) Adalah dianggap menjadi satu syarat bagi tiap-tiap lesen yang diberikan kepada orang-orang yang dibenarkan memungut derma bahawa mereka akan –

- (A.) Mengeluarkan surat akuan penerimaan yang bernombor berturut-turut bagi tiap-tiap pungutan wang dalam yang ditetapkan;
- (B.) Menyimpan kira-kira yang lengkap dan benar akan semua wang-wang yang dipungut dan bagi menyelenggarakan dengan menggunakan baucar;
- (C.) Apabila dituntut, menunjukkan *counterfoil* surat-surat akuan penerimaan itu dan kira-kira serta baucar untuk diperiksa dan diaudit oleh Majlis;
- (D.) Menggunakan dan menyelenggarakan segala wang yang dipungut menurut syarat-syarat lesen, atau jika kaedah menggunakan wang itu tidak dinyatakan dengan terang, membayar dan menerangkan kira-kira itu kepada Majlis.

(3) Wang-wang yang dipungut di bawah fasal ini boleh

digunakan bagi satu-satu tujuan yang tertentu jika Majlis akan memerintahkan demikian, akan tetapi akan ditambahkan menjadi sebahagian daripada dana kiranya perintah itu ingkari.

(4) Tidak seorang pun akan mengambil bahagian dalam pungutan wang kerana tujuan-tujuan yang tersebut di atas kecuali dengan izin Majlis yang nyata atau kerana sebab dan menurut syarat-syarat lesen yang diberikan itu.

Bahagian 5

Masjid-masjid dan Sekolah Agama

76. Tanpa perhitungan akan sebarang syarat yang berlawanan dalam mana-mana tauliah, Majlis akan menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua masjid di Singapura dan tiap-tiap masjid bersama-sama dengan tanah di atas mana ianya terletak dan digunakan kerananya kecuali tanah negara, akan diserahkan kuasa kepada Majlis bagi maksud undang-undang ini tanpa penyerahan, penukaran atau pemindahan kuasa apa-apa pun.

77. – (1) Tidak seorang pun akan mendirikan masjid, atau mewakafkan atau mempergunakan bangunan yang sedia ada sekarang ini untuk dijadikan masjid, tanpa izin yang bertulis daripada Majlis.

(2) Izin tidak akan diberikan kecuali tanah tapak bangunan masjid baharu telah dan akan, sebelum masjid itu didirikan, dijadikan tanah wakaf.

78. – (1) Adalah menjadi kewajipan Majlis bagi menentukan bahawa semua masjid-masjid di Singapura dipelihara dalam keadaan yang sempurna dan kebersihan kawasan-kawasannya dipelihara. Majlis boleh menganjurkan dan menggunakan, atau membenarkan penganjuran dan penggunaan dana-dana khas bagi tujuan memperbaiki kerosakan dan menjaga keadaan masjid-masjid itu atau akan mengongkosi perbelanjaan daripada dana.

(2) Adalah menjadi kewajipan bagi imam untuk memberitahukan Majlis dengan segera masjid yang perlu diperbaiki dan bagi pihak Majlis menyelia dan menjalankan pembaikan itu.

(3) Perubahan kepada bentuk masjid tidak akan

dilakukan tanpa izin Majlis yang bertulis dan Majlis boleh memerintahkan jawatan kuasa masjid yang bertanggungjawab terhadap sebuah masjid supaya menjaga masjid itu dalam keadaan yang sempurna.

79. Dengan sebab-sebab yang cukup, Majlis boleh menutup atau merobohkan sesebuah masjid dan boleh, di mana-mana sebuah masjid yang telah dirobohkan dan tidak pula menjadi tujuan hendak mendirikan sebuah masjid lagi di tapak masjid itu, akan tetapi hasilnya akan diuntukkan kerana mendirikan, memperbaiki masjid, dan tidak kerana lain-lain maksud.

80. Majlis akan mempunyai kuasa pada sebarang waktu untuk menetapkan sempadan-sempadan sesuatu daerah masjid dan bagi mengubah atau meminda sempadan-sempadan itu. Sebarang pertelingkahan mengenai sempadan daerah masjid biasanya akan dirujuk kepada Jawatankuasa Undang-undang bagi mendapatkan pendapatnya.

81. Majlis akan mempunyai satu daftar mencatatkan pegawai masjid bagi tiap-tiap masjid di Singapura, dan adalah menjadi kewajipan tiap-tiap seorang pegawai masjid supaya segera memberitahukan Majlis akan sebarang jawatan kosong atau penukaran butir-butir perkaitan dengan masjidnya.

82. – (1) Akan menjadi kewajipan Jawatankuasa Undang-undang manakala diberitahu tentang jawatan kosong atau jawatan imam yang akan kosong dalam sebuah masjid di Singapura supaya menyiasat untuk mendapatkan calon-calon bagi jawatan itu, dan setelah diperiksa dengan teliti kelayakan-kelayakan calon-calon itu mengemukakan senarai calon-calon yang sesuai kepada Majlis.

(2) Sesudah mempertimbangkan senarai yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Undang-undang dan setelah melakukan siasat periksa yang difikirkan wajar, maka bolehlah Majlis melantik seorang imam untuk memenuhi jawatan yang kosong itu.

(3) Majlis boleh melantik seorang yang layak dan munasabah untuk menjadi seorang pegawai bagi sesebuah masjid.

Kuasa dan Kewajipan Pegawai Masjid

83. – (1) Pegawai masjid bagi sebuah masjid

akan mempunyai kuasa dan tugas-tugas sebagai yang dinyatakan dalam tauliah masing-masing. Tatkala menunaikan kewajipan itu salah satu daripada kewajipan-kewajipan yang akan disebutkan di sini kelak, Pegawai masjid hendaklah disifatkan selaku pekerja berkuasa untuk maksud *Penal Code*.

(2) Majlis boleh menggubal peraturan-peraturan bagi –

(A.) Melantik suatu jawatankuasa daerah;

(B.) Menentukan cara-cara bagaimana ahli-ahli jawatankuasa daerah hendak dilantik; dan

(C.) Menetapkan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas bagi suatu jawatankuasa daerah.

(3) Jawatankuasa daerah bersama-sama dengan pegawai masjid setempat hendaklah:

(A.) Bertanggungjawab bagi perjalanan masjid yang teratur dan sempurna dan semua tanah perkuburan Islam yang terletak dalam daerah masjid masing-masing;

(B.) Bertanggungjawab menjaga tingkah laku yang sopan-santun bagi anak buah daerah masjid itu dalam perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam; dan

(C.) Menyampaikan dengan segera maklumat kepada Majlis tentang semua perkara-perkara yang berlaku dalam daerah masjidnya dan memerlukan perhatian Majlis.

Sekolah-sekolah Agama

84. – (1) Kuasa bagi mengelolakan sekolah agama Islam akan diserahkan kepada Majlis dan Majlis hendaklah berkuasa bagi mendaftarkan dan menguasai perjalanan sekolah-sekolah itu dan meluluskan sukatan-sukatan pelajaran di sekolah tersebut.

(2) Majlis akan berkuasa mengawasi penubuhan sebarang sekolah agama Islam persendirian (*private*) dan untuk enggan mengizinkan sebarang sekolah-sekolah itu ditubuhkan dan untuk meluluskan peraturan-peraturan yang dibuat oleh barang siapa pun yang mengemukakan pentadbiran sekolah itu.

(3) Majlis akan berkuasa untuk mengizinkan seseorang pegawai awam bagi memeriksa segala tuntutan-tuntutan

majlis ditaati.

(4) Majlis akan berkuasa bagi memerintahkan barang siapa pun yang digajikan atau yang akan digajikan sebagai seorang guru di mana-mana sekolah agama untuk menjalani suatu ujian yang diselenggarakan oleh satu lembaga yang dilantik oleh Majlis. Kiranya orang itu tidak lulus peperiksaan tersebut maka Majlis berkuasa mencegah ianya digajikan sebagai guru di sekolah tersebut.

(5) Majlis akan berkuasa memerintahkan supaya sesebuah sekolah agama yang oleh lembaga dianggap tidak memuaskan ditutup.

(6) Sesuatu rayuan yang terbit daripada sebarang tindakan, perintah atau arahan Majlis di bawah fasal ini hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Negara.

(7) Sebarang bantuan wang yang diberikan oleh kerajaan kepada sekolah-sekolah agama Islam hendaklah ditadbirkan oleh Majlis sebagaimana² menurut peraturan-peraturan yang digubal oleh Majlis dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Negara.

(8) Syarat-syarat dari Undang-undang Pelajaran, 1957 tidak boleh dipergunakan terhadap mana-mana sekolah agama Islam jua pun yang ditubuhkan dalam Singapura.

Bahagian 6

Perkahwinan dan Perceraian

85. Fasal-fasal dari bahagian ini dalam undang-undang ini hanya digunakan terhadap perkahwinan yang mana satu atau kedua-dua pihak menganut agama Islam dan perkahwinan itu diselenggarakan menurut hukum Islam.

Perlantikan Pendaftar

86. – (1) Yang di-Pertuan Negara boleh melantik sama ada dengan nama atau jawatannya seorang lelaki Islam yang baik tabiat dan pekerti kedudukannya dan mempunyai kebolehan dan kelayakan menjadi pentadbir nikah-kahwin orang-orang Islam

(2) Perlantikan itu akan diumumkan dalam Warta Kerajaan.

(3) Yang di-Pertuan Negara boleh pada sebarang waktu yang diperkenankan olehnya dengan pemberitahuan dalam Warta

² Ejaan sebenar ialah sebagaimana

Kerajaan membatalkan lantikan itu.

Perlantikan Kadi-kadi

87. – Yang di-Pertuan Negara boleh melantik orang-orang lelaki Islam yang layak yang baik tabiat pekerti dan kedudukannya dan mempunyai kebolehan dan kelayakan pantas untuk menjadi Kadi-kadi atau Naib-naib Kadi.

(2) Yang di-Pertuan Negara boleh melantik dua orang Kadi atau Naib Kadi atau lebih daripada itu bagi daerah atau tempat yang sama.

(3) Surat lantikan hendaklah –

(A.) Menurut susunan yang diperintahkan oleh Menteri

(B.) Ditandatangani oleh Menteri;

(C.) Menyatakan sama ada –

(1) Orang yang tersebut itu dilantik menjadi seorang Kadi atau Naib Kadi bagi daerah atau tempat yang tertentu yang sempadannya akan diterangkan dengan jelas; atau

(2) Orang yang tersebut itu dilantik menjadi seorang Kadi atau Naib Kadi bagi mazhab-mazhab yang tertentu.

(4) Perlantikan seorang kadi atau seorang Naib Kadi hendaklah diumumkan dalam Warta Kerajaan.

(5) Yang di-Pertuan Negara boleh pada sebarang waktu yang diperkenankan olehnya dengan pemberitahuan dalam Warta Kerajaan membatalkan perlantikan itu.

(6) Dalam hal seorang Kadi atau Naib Kadi meninggalkan negara Singapura buat sementara waktu, Yang di-Pertuan Negara boleh melantik seorang yang layak bagi menyandang jawatan itu.

(7) Kuasa kehakiman dan pemerintahan seorang Kadi atau Naib Kadi ialah sebagaimana yang tercatat dalam undang-undang ini:

Dengan syarat bahawa Yang Dipertuan Negara boleh sebagaimana menurut syarat-syarat surat lantikan seorang kadi atau Naib Kadi membatasi penggunaan kekuasaan-kekuasaannya yang biasanya dikurniakan kepada Kadi atau Naib Kadi oleh Undang-undang ini.

88. – (1) Tiap-tiap seorang Kadi dan Naib

Kadi –

(A.) Akan menjadi seorang Timbalan Pendaftar Nikah-Kahwin bagi orang-orang Islam; dan

(B.) Akan menggunakan satu materi yang tertulis ayat-ayat dalam bahasa Melayu yang akan dipersetujui oleh Pendaftar.

(2) Jika seorang Kadi atau Naib Kadi meninggalkan daerah yang ia berkuasa, atau berhenti daripada memegang jawatan, atau meninggal dunia, buku-bukunya dan materi-materi jawatannya akan serta merta diserahkan kepada atau diambil oleh Pendaftar.

(89) Tiap-tiap seorang Kadi dan Naib Kadi hendaklah menyimpan buku-buku dan daftar-daftar sebagaimana yang Ditetapkan.

Pertunangan

90. Jika seorang telah membuat satu perjanjian pertunangan menurut hukum Islam, sama ada bertulis atau lisan dan sama ada ia sendiri melakukannya atau menerusi seorang orang tengah, dan kemudian enggan pula melangsungkan perkahwinan dengan pihak satu lagi tanpa sebab-sebab yang sah, sedangkan pihak yang satu lagi itu sanggup menunaikan perkahwinan, pihak yang bersalah boleh dituntut supaya membayar kepada pihak yang satu lagi itu sejumlah wang yang telah dipersetujui tatkala membuat perjanjian bagi melangsungkan perkahwinan tersebut. Pihak yang bersalah jika lelaki, hendaklah membayar ganti rugi harga mas kahwin yang sepatutnya dibayar bersama-sama dengan lain-lain wang yang telah dibelanjakan dengan ikhlas hati bagi membuat persiapan perkahwinan, atau jika perempuan, hendaklah mengembalikan pemberian tunangan, kiranya ada, atau harga pemberian tersebut dan hendaklah membayar sebagai ganti rugi lain-lain wang sebagai yang tersebut tadi, dan wang-wang ini boleh dituntut dalam mahkamah syariah.

Mengakadkan Nikah

91. – (1) Tertakluk kepada fasal-fasal dan syarat-syarat dalam undang-undang ini, adalah sah bagi wali perempuan yang akan dinikahkan itu mengakadkan pernikahan itu menurut

hukum Islam.

(2) Tertakluk kepada syarat-syarat dalam undang-undang ini, seorang Kadi atau Naib Kadi boleh atas permintaan wali kepada perempuan yang hendak dinikahkan itu menyelenggarakan upacara akad nikah tetapi sebelum mengadakan nikah, ia hendaklah membuat satu penyihasan yang rapi untuk memuaskannya dirinya bahawa tidak ada apa-apa halangan yang sah di sisi hukum Islam, atau undang-undang ini terhadap perkahwinan itu dan tidak akan melangsungkan perkahwinan itu hingga ia berpuas hati.

(3) Dalam hal ketiadaan wali perempuan yang hendak dinikahkan itu atau walinya enggan memberi keizinan terhadap perkahwinan itu dengan sebab-sebabnya yang oleh seorang Kadi difikirkan tidak memuaskan, perkahwinan itu boleh dilangsungkan oleh Kadi itu tetapi sebelum mengadakan nikah, Kadi itu hendaklah melakukan satu penyihasan sebagaimana yang ditetapkan dalam pecahan (2) dalam fasal ini.

(4) Untuk maksud sesuatu penyihasan, seorang Kadi atau Naib Kadi boleh mengeluarkan satu saman menuntut sebarang orang supaya hadir bagi memberi keterangan atau menunjukkan surat.

(5) Syarat-syarat ini tidak digunakan di mana seorang perempuan yang hendak dinikahkan itu menganuti mazhab yang membolehkan ianya dikahwinkan tanpa izin walinya.

Pembatasan Mengadakan Nikah

92. – (1) Di bawah undang-undang ini tidaklah boleh mengadakan nikah melainkan segala syarat-syarat yang perlu bagi mengesahkan akad nikah itu telah ditunaikan sebagaimana menurut hukum Islam.

(2) Di bawah undang-undang ini tidaklah boleh mengadakan nikah jika sekiranya orang lelaki yang hendak dikahwinkan itu sudah berkahwin menurut hukum Islam kepada sesiapa pun selain daripada pihak yang satu lagi yang hendak dikahwinkan itu, melainkan –

(A.) Oleh seorang kadi; atau

(B.) Dengan izin yang bertulis daripada seorang Kadi oleh wali kepada perempuan yang hendak dinikahkan itu.

(3) Sebelum mengadakan sesuatu nikah atau memberikan keizinan yang bertulis bagi mengadakan sesuatu nikah menurut pecahan (2) dari fasal ini, kadi sendiri hendaklah berpuas hati selepas menyiasat bahawa tidak ada apa-apa halangan yang sah menurut hukum Islam terhadap perkahwinan itu.

Perkahwinan Janda

93. Apakala seorang perempuan yang hendak dikahwinkan itu seorang janda –

(A.) Tidaklah boleh dinikahkan dengan sesiapa

selain daripada suami yang telah menceraikannya pada masa sebelum habis tempohnya, yang akan dihitungkan mengikut hukum syarak.

(B.) Tidaklah boleh dinikahkan melainkan ia telah terlebih dahulu menunjukkan –

(1) Satu sijil meninggal dunia mendiang suaminya; atau

(2) Satu sijil perceraian yang dikeluarkan sah di sisi undang-undang yang berjalan kuatkuasanya pada waktu itu; atau

(3) Satu salinan yang diakui sah tentang catitan berkaitan dengan perceraian itu dalam daftar perceraian yang benar; atau

(4) Satu sijil yang boleh diberikan kepadanya atas permohonannya dan setelah penyihasan dilakukan oleh mahkamah syariah memastikan bahawa sebenarnya ia seorang janda;

(C) Kiranya perceraian itu dengan talak tiga

tidaklah boleh ia dinikahkan semula kepada bekas suaminya itu kecuali sebelum perkahwinan itu ia telah bernikah dengan sah kepada seorang lain dan perkahwinan sempurna dan kemudian bercerai pula dengan jalan yang sah.

Tempat Perkahwinan

94. Tiap-tiap nikah hendaklah diadakan dalam daerah masjid di mana pengantin perempuan lazimnya tinggal:

dengan syarat bahawa seorang Kadi boleh membenarkan akad nikah itu dilangsungkan di suatu tempat yang lain.

95. – (1) Tiap-tiap seorang Kadi dan Naib Kadi dalam tempoh seminggu tarikh nikah suatu perkahwinan perceraian atau perujukkan didaftarkan hendaklah menghantar suatu salinan sijil perkahwinan, perceraian atau kerujukkan itu, mana yang berkenaan, kepada Pendaftar.

(2) Di mana perceraian atau kerujukkan itu mengenai Sijil Perceraian atau Sijil Kerujukan itu mengenai perkahwinan yang didaftarkan di Singapura, Pendaftar hendaklah menyuruh supaya pengesahan perceraian dan kerujukan itu dicatitkan dalam sijil perkahwinan yang disimpan dalam Daftar Perkahwinan Umum.

(3) Di mana kerujukan mengenai Sijil Kerujukan yang berkaitan dengan perceraian di Singapura, pendaftar hendaklah menyuruh supaya kerujukan itu dicatitkan dalam Sijil Perceraian yang disimpan dalam Daftar Umum Perceraian.

Daftar-daftar Umum

96. – (1) Pendaftar hendaklah mengusahakan supaya:

(A.) Salinan-salinan Sijil Perkahwinan yang dihantarkan

kepadanya dijilid dalam suatu Daftar Umum Perkahwinan;

(B.) Salinan-salinan Sijil Perceraian yang dihantarkan

kepadanya dijilid bersama-sama dengan Sijil-sijil Perceraian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dalam suatu Daftar Umum Perceraian; dan

(C.) Salinan-salinan Sijil Kerujukan yang

dihantarkan kepadanya dijilid dalam suatu Daftar Umum Kerujukan.

(2) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu penunjuk (indeks) bagi tiap-tiap Daftar Umum yang disimpan olehnya.

97. – (1) Jika didapati bahawa sesuatu peringatan

yang dituliskan di dalam sebarang Daftar Umum atau sesuatu Sijil yang dikeluarkan di bawah Undang-undang ini telah tersilap dibuat atau pun mengandungi kesilapan yang dapat diperbaiki, maka pendaftar atau barang siapa pun yang bersabit akibat kesilapan itu bolehlah bermohon kepada Mahkamah Syariah untuk membatalkan atau membetulkan peringatan atau sijil itu.

(2) Maka bolehlah Mahkamah Syariah sesudah melakukan siasat periksa yang difikirkan pantas, memerintahkan agar supaya pembatalan atau pembetulan yang perlu diperbuat.

(3) Barang siapa pun boleh diperintahkan supaya menyerahkan sebarang surat kepada Pendaftar guna untuk pembetulan terbit daripada perintah tersebut.

Pendaftaran ialah wajib

98. – (1) Bagi tiap-tiap perkahwinan, perceraian atau kerujukan yang dilakukan di Singapura, suami dan isteri hendaklah –

(A.) Sendiri mengunjungi dalam tempoh tujuh hari selepas berkahwin, bercerai atau berujuk pejabat seorang Kadi atau Naib Kadi;

(B.) Memberikan keterangan-keterangan yang dikehendaki oleh Kadi atau Naib Kadi supaya didaftarkan perkahwinan, perceraian atau kerujukan itu; dan

(C.) Memohon supaya didaftarkan perkahwinan, perceraian atau kerujukan itu dalam borang yang ada dikhaskan.

(2) Tidak ada sesuatu dalam fasal ini yang boleh dianggap sebagai mencegah seorang Kadi atau Naib Kadi menurut suka hatinya daripada mendaftarkan perkahwinan, perceraian atau kerujukan di rumah kedua-dua pihak atau salah satu daripada pihak yang bersangkutan.

(3) Seorang Kadi atau Naib Kadi tidaklah boleh mendaftarkan sebarang perceraian atau kerujukan kecuali ia berpuashati setelah menyiasat bahawa kedua-dua pihak suami dan isteri telah bersetuju berbuat demikian.

(4) Seorang Kadi atau Naib Kadi tidaklah boleh mendaftarkan sesuatu perceraian dengan talak tiga

(5) Dimana suatu permohonan diajukan kepada seorang Kadi atau Naib Kadi supaya perceraian dengan talak tiga didaftarkan atau dalam hal suatu permohonan bercerai atau berujuk Kadi atau Naib Kadi tidak puas hati bahawa kedua-dua suami dan isteri bersetuju dengan perceraian atau kerujukan itu, maka Kadi Naib Kadi hendaklah menyerahkan permohonan tersebut kepada Mahkamah Syariah.

(6) Tidak ada sesuatu dalam fasal ini yang akan digunakan terhadap perceraian yang dilakukan dengan perintah atau pengisytiharan Mahkamah Syariah atau Lembaga Ulang Bicara.

99. – (1) Tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub pada fasal 98 dalam Undang-undang ini, seorang Kadi atau Naib Kadi boleh pada sebarang waktu dalam tempoh seminggu sesudah satu perkahwinan, perceraian atau kerujukan tersebut dengan mencatatkan butir-butir itu dalam daftar yang wajar dan juga dalam Sijil Perkahwinan, Perceraian atau Kerujukan yang terlampir pada daftar.

(2) Catitan dalam daftar itu hendaklah ditandatangani oleh Kadi atau Naib Kadi dan juga oleh pihak-pihak yang berkaitan dan oleh beberapa orang saksi yang ditetapkan.

(3) Sebelum membuat catitan, Kadi atau Naib Kadi boleh membuat penyiasan³ yang difikirkan perlu untuk memuaskan hatinya sendiri tentang sahnya perkahwinan, perceraian atau kerujukan itu.

(4) Untuk maksud penyiasatan seperti itu, Kadi atau Naib Kadi boleh mengeluarkan surat saman menuntut seseorang mengunjunginya untuk memberikan keterangan atau menunjukkan surat.

(5) Tiap-tiap orang yang di saman demikian cara akan terikat ke atasnya bagi menyempurnakan saman itu.

Keengganan Mendaftarkan

100. – (1) Tiap-tiap seorang Kadi atau Naib Kadi yang enggan mendaftarkan satu perkahwinan, perceraian atau kerujukan hendaklah mencatatkan sebab-sebabnya ia enggan berbuat demikian dalam sebuah buku yang akan disimpan kerana kegunaan tersebut.

(2) Kadi atau Naib Kadi hendaklah dengan

serta merta memberitahu Pendaftar dan semua Kadi-kadi yang lain di Singapura akan keputusannya dalam borang yang ditetapkan.

(3) Setelah menjelaskan pembayaran yang ditetapkan Kadi atau Naib Kadi itu hendaklah memberi satu salinan catitan⁴ itu kepada pemohon yang berkenaan.

Rayuan

101. – (1) Satu rayuan terhadap sesuatu keputusan seorang Kadi atau Naib Kadi di bawah undang-undang ini hendaklah diserahkan kepada Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah fasal 34 dalam undang-undang ini.

(2) Rayuan ini hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh keputusan itu diambil.

Dengan syarat bahawa Mahkamah Syariah boleh jika difikirkan wajar membenarkan satu rayuan dikemukakan sesudah habis tempoh itu.

(3) Rayuan itu boleh dibicarakan secara terbuka kepada umum atau tertutup dan Mahkamah Syariah hendaklah mengambil keterangan-keterangan yang ia fikirkan munasabah.

(4) Mahkamah Syariah boleh mempertahankan, mengubah atau meminda keputusan Kadi.

Perintah-perintah Mahkamah Syariah

102. – (1) Jika mahkamah Syariah atas suatu rayuan memerintahkan perkahwinan, perceraian atau kerujukan didaftarkan, catitan-catitan yang perlu dengan serta merta hendaklah diperbuat oleh Kadi atau Naib Kadi.

(2) Suatu catitan hendaklah dibuat dalam daftar menunjukkan bahawa perkahwinan, perceraian atau kerujukan telah didaftarkan dengan perintah Mahkamah Syariah atas suatu rayuan, dan akan ditandatangani oleh orang yang membuat catitan tersebut.

103. – (1) Sesuatu perkahwinan, perceraian atau kerujukan yang belum didaftarkan dalam tempoh yang telah ditetapkan menurut fasal 99 atau 100 dalam undang-undang ini boleh, dengan izin Pendaftar yang bertulis, dan tertakluk kepada kesemua syarat-syarat pada pecahan (3) hingga (5) dari fasal 98 dalam undang-undang ini didaftarkan oleh

³ Perkataan sebenar ialah penyiasatan

⁴ Perkataan sebenar ialah catitan

seorang Kadi atau Naib Kadi dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh perkahwinan, perceraian atau kerujukan tersebut.

104. Setelah selesai didaftarkan sesuatu perkahwinan, perceraian atau kerujukan, Kadi hendaklah memberikan kepada tiap-tiap satu pihak, selepas menjelaskan pembayaran yang ditetapkan itu, satu salinan catitan yang ditandatangani dan dimetraikan dengan materi jawatannya.

Kesan Pendaftaran di Sisi Undang-Undang

105. Tidak ada sesuatu dalam undang-undang ini yang boleh menjadikan sah sesuatu perkahwinan Islam, perceraian atau kerujukan yang tidak sah atau menjadikan tidak sah sesuatu yang sah semata-mata kerana perkahwinan perceraian atau kerujukan itu telah didaftarkan atau tidak didaftarkan.

Bahagian 7

Harta

106. – (1) Pindaan kepada Undang-undang mengenai harta yang akan diiktiraf dalam hubungan perkahwinan orang-orang Islam hendaklah sebagaimana yang termaktub dalam Undang-undang ini.

(2) Tidak ada sesuatu yang terkandung di dalam Undang-undang ini yang boleh menghindarkan seorang Islam daripada memerintahkan dengan wasiatnya bahawa harta pusaka dan hak miliknya ditadbirkan sebagaimana menurut hukum Islam.

Penyelenggaraan Harta Berwasiat Hendaklah Menurut Hukum Syarak

107. – (1) Tanpa ada perhitungan segala sesuatu yang terkandung dalam fasal-fasal hukum Inggeris atau dalam mana-mana hukum yang bertulis, setelah undang-undang itu berjalan kuatkuasanya, tidaklah boleh seorang Islam menyelenggarakan hartanya dengan berwasiat kecuali sebagaimana menurut fasal-fasal dari dan tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dikenakan oleh mazhab yang ia menganutinya.

(2) Tidak sesuatu pun dalam fasal ini yang akan menyentuh:

(A.) Syarat-syarat dalam undang-undang wasiat, kecuali

fasal 3 dan 5; atau

(B.) Syarat-syarat dalam undang-undang penguasaan harta dan

wasiat (*Probate and Administration Ordinance*); atau

(C.) Wasiat seorang Islam yang meninggal dunia sebelumnya undang-undang ini berjalan kuatkuasanya.

Pentadbiran Harta Pusaka Orang-Orang Islam

Hendaklah Menurut Hukum Islam

108. Dalam perkara seorang Islam meninggal dunia tanpa berwasiat harta pusaka dan miliknya hendaklah ditadbirkan menurut hukum Islam

Surat Bagi Wasiat Si Mati dan Surat Kuasa

109. Dalam semua permohonan-permohonan surat wasiat atau surat kuasa pemohon hendaklah kiranya ia seorang Islam yang telah meninggal dunia menyatakan mazhab yang dianutinya oleh si mati selain dari keterangan-keterangan yang dikehendaki dengan perintah LIV bagi peraturan-peraturan Mahkamah Tinggi atau dengan perintah 36 peraturan-peraturan Mahkamah Daerah.

Bukti Hukum Islam

110. – (1) Dalam memutuskan soalan penggantian dan pewarisan dalam hukum Islam mahkamah adalah bebas menerima sebagai bukti mengenai hukum Islam sebarang pernyataan yang tegas atas hukum Islam yang terdapat di dalam semua atau salah satu daripada buku-buku yang tersebut di bawah ini –

(A.) *Terjemahan Quran* dalam bahasa Inggeris,

oleh A. Yusuf Ali atau Marmaduke Pickthall;

(B.) *Hukum Islam (Muhammadan Law)* oleh Sayyid Amīr Ali;

(C.) Terjemahan oleh Howard daripada terjemahan bahasa Perancis oleh Van Dan Berg *Minhāj al-Ṭālibīn*, satu buah tangan tentang hukum Islam menurut mazhab Shāfi‘ī oleh Nawawi;

(D.) *Ikhtisār Hukum Islam* oleh Neil B. E.

Baillie;

(E.) *Hukum Islam – Inggeris (Anglo – Muhammadan Law)* oleh Sir Roland Knyvet Wilson cetakan 6 diperbaiki oleh A. Yusuf Ali;

(F.) *Rencana-rencana Hukum Islam* oleh A.A. Fyzee;

(G.) *Hukum Islam* oleh F.B. Tyabji

(2) Menteri boleh dengan pemberitahuan dalam Warta Kerajaan meminda atau menambah buku-buku yang tercatat dalam pecahan (1) dari fasal ini,

Sijil Warisan

111. – (1) Jika dalam perbicaraan mengenai pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seorang yang meninggal dunia yang hartanya tidak dibahagikan menurut hukum Islam, sesebuah mahkamah atau pihak yang berkuasa hendaklah berkewajipan menetapkan atau orang-orang yang berhak menerima pembahagian dari harta tersebut atau bahagian-bahagian yang mana orang-orang itu masing-masing berhak menerimanya, Mahkamah Syariah boleh, atas permintaan mahkamah atau pihak yang berkuasa tersebut atau atas permintaan seorang yang mendakwa dirinya sebagai seorang waris dan setelah ia menjelaskan bayaran yang ditetapkan atas kenyataan yang didapati oleh mahkamah atau pihak yang berkuasa itu atau kenyataan-kenyataan yang diminta diterima pendapat-pendapatnya tentang orang-orang yang berhak menerima bahagian dari harta itu dan mengenai bahagian-bahagian yang masing-masing itu berhak menerimanya.

(2) Mahkamah Syariah boleh, sebelum mengakui sah akan pendapatnya menuntut supaya pihak-pihak yang bersangkutan memberi penerangan atas sebarang soalan mengenai hukum-hukum tetapi tidaklah boleh mendengar keterangan atau mengambil keputusan-keputusan terhadap soalan yang hakiki.

(3) Dalam sebarang masalah yang rumit Mahkamah Syariah boleh merujuk hal itu kepada Jawatankuasa Undang-undang Majlis bagi mendapatkan pendapatnya dan kiranya pendapat itu diberikan hendaklah mengakui sah akan pendapat tersebut.

Pentadbiran Harta Pusaka Suami

112. Tatkala mengeluarkan surat kuasa mengenai harta seorang Islam yang meninggal dunia tanpa wasiat dan

meninggalkan seorang atau beberapa orang balu, mahkamah boleh, jika ia memikirkan munasabah bagi mengeluarkan surat-surat kuasa kepada seorang waris yang lain atau orang yang berhak menerima harta si mati itu menurut hukum Islam sama ada balu atau balu-balunya itu dikecualikan, atau bersama dengan balu atau balu-balu itu, atau salah seorang atau lebih daripada seorang balu-balu itu.

Pentadbiran Harta Pusaka Isteri

113. – (1) Apabila seorang yang menjadi isteri kepada seorang Islam meninggal dunia tanpa wasiat meninggalkan harta miliknya sendiri dan meninggalkan anak-anak lelaki yang cukup umurnya 21 tahun:-

(A.) Anak-anak lelaki itu akan lebih berhak menerima surat kuasa harta dan miliknya daripada suaminya;

(B.) Suaminya berhak kemudian daripada anak-anak lelaki itu.

(C.) Kemudian daripada anak-anak lelaki dan suami, diikuti dengan anak-anak perempuan, bapa, ibu, abang-abang, kakak, bapa-bapa saudara, ibu-ibu saudara, anak-anak saudara lelaki dan anak-anak saudara perempuan akan menerima hak menurut susunan atau giliran yang dicatitkan ini;

(D.) Kiranya orang-orang yang tersebut di atas ini tiada, maka waris yang paling hampir sekali menurut hukum Islam akan berhak menerima harta pusaknya.

(2) Keutamaan akan diberikan kepada lelaki daripada perempuan selaras dengan cara-cara yang tersebut di atas.

(3) Anak-anak suami yang yang diperolehinya dengan isteri-isteri yang lain tidak akan disifatkan sebagai waris-waris kepada isteri yang meninggal dunia tanpa wasiat itu, dan tidaklah berhak justeru kerana pertaliannya itu menerima surat kuasa atas harta dan miliknya.

(4) Tidak ada sesuatu yang terkandung di sini akan mengurangkan kuasa mahkamah melakukan pemilikan sebagaimana menurut cerai (d) dari pecahan (3) dari fasal (18) dalam Undang-Undang Surat Wasiat dan Surat Kuasa.

114. Tertakluk kepada syarat-syarat dari fasal 107 dalam undang-undang ini perempuan-perempuan Islam yang telah bersuami boleh, sama ada dengan persetujuan suami-suami mereka atau tidak, menyelenggarakan harta miliknya sendiri dengan membuat wasiat.

Harta Tatkala Berkahwin

115. – (1) Segala harta yang dimiliki oleh seorang perempuan di waktu ia berkahwin dan tanpa perhitungan bagaimana harta itu telah dimilikinya, sesudah berkahwin dengan seorang suami yang beragama Islam terus menerus menjadi hak miliknya sendiri, kerana tiada ketiadaan suatu perjanjian khas yang bertulis yang bertentangan dengan syarat ini.

(2) Ia boleh memindahkan milik harta-harta itu dengan surat-surat pindah milik atau lain-lain cara, sama ada dengan atau tanpa persetujuan suaminya dan tidak menurut cara-cara yang dikehendaki oleh bahagian 7 dari Undang-undang Pemindahan milik harta.

Harta Seorang Perempuan Yang Telah Bersuami

116. – (1) Yang tertera di bawah ini hendaklah disifatkan sebagai harta seorang perempuan Islam yang telah bersuami –

(A.) Gaji dan pendapatan yang diperolehinya atau dimilikinya semasa perkahwinan dalam sebarang pekerjaan, perusahaan atau perniagaan yang diperbuatnya dan tidak oleh suaminya.

(B.) Wang atau lain-lain harta yang dimilikinya di waktu perkahwinan kerana menggunakan kepintarannya atau dengan cara memiliki harta pusaka pemberian, pembelian dan lain-lain; dan

(C.) Semua simpanan daripada pendapatan-pendapatan dan harta-harta tersebut dan penanaman modal harta-harta itu.

(2) Resit-resitnya sahaja adalah cukup bagi membuktikan kepunyaan harta, gaji dan pendapatan tersebut.

(3) Ia boleh memindahkan milik harta-harta itu dengan surat pindah milik atau dengan lain-lain cara dan tanpa

persetujuan suaminya.

Berhak Mendakwa dan Boleh Didakwa

117. Seorang perempuan Islam yang telah bersuami –

(A.) Boleh menjalankan tindakan di mahkamah atas namanya sendiri bagi mendapatkan semula sebarang jenis harta yang menjadi hak miliknya sendiri;

(B.) Akan berhak atas namanya sendiri mendapat cara-cara perlindungan, sama ada awam atau jenayah, terhadap semua orang-orang bagi menyelamatkan dan menjaminkan hartanya seolah-olah ia belum bersuami;

(C.) Boleh pula didakwa, disaman dan dihukum mengenai harta-harta tersebut seperti yang boleh berlaku ke atasnya kiranya ia belum bersuami.

Tanggungjawab Atas Perjanjian-Perjanjiannya Sendiri

118. – (1) Sekiranya seorang perempuan Islam yang telah bersuami memiliki harta, dan kiranya seorang membuat perjanjian dengannya mengenai harta itu atau dengan kepercayaan bahawa tanggungan-tanggungannya yang terbit dari perjanjian itu akan dapat dipenuhi daripada hartanya sendiri, orang itu berhak mendakwa dia dan membuat tuntutan atas hartanya sama seperti perempuan itu belum berkahwin pada masa membuat perjanjian hingga masa pengadilan dijalankan terhadap tuntutan itu.

(2) Si suami, kerana ketiadaan syarat-syarat yang tertentu menjadikan ia bertanggungjawab selaku penjamin, pembuat perjanjian bersama atau sebagainya tidaklah boleh didakwa atas perjanjian tersebut.

(3) Tidak ada sesuatu yang terkandung di sini akan membatalkan atau mengurangkan tanggungan seorang suami Islam terhadap hutang yang telah dihutang oleh isterinya sama ada dengan terus terang atau secara tidak langsung.

(4) Tanggungan seumpama itu akan ditaksirkan menurut undang-undang Inggeris.

Hutang Sebelum Berkahwin

119. – (1) Seorang suami Islam tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap hutang yang dihutang oleh isterinya sebelum mereka berkahwin, hanya kerana perkahwinan itu, tetapi si isteri boleh didakwa dan diperintah menjelaskan daripada hartanya sendiri segala hutang-hutangnya seolah ia belum berkahwin.

Akibat Perkahwinan Terhadap Harta

120. Seorang Islam, dengan perkahwinannya menurut syarat-syarat hukum Islam, tidaklah akan memiliki harta lelaki atau perempuan yang ia mengahwini dan tidak akan hilang kebolehan melakukan sesuatu terhadap hartanya sendiri yang boleh melakukannya jika ia belum berkahwin.

Isi Rumah tangga

121. Apabila seorang suami Islam dan isteri atau isteri-isterinya tinggal bersama-sama dalam sebuah rumah, perabot-perabot rumah, perkakas rumah, dan isi rumah tangga suami dan isteri atau isteri-isterinya itu akan diiktiraf sebagai harta kepunyaan suami, kecuali alat-alat kelengkapan dan perhiasan yang menjadi kepunyaan isteri atau isteri-isterinya sendiri, dalam hal-hal di antara suaminya dengan orang-orang yang dia berhutang kepadanya.

Pemberian Sukarela

122. – (1) Tidak ada sesuatu yang terkandung dalam bahagian ini yang akan menyentuh pelaksanaan kuatkuasa Undang-undang Inggeris berkaitan dengan perkara pemberian sukarela.

(2) Semua pemberian dan urusan harta di antara seorang suami dan isteri Islam, tertakluk kepada syarat-syarat dalam bahagian ini, hendaklah dikuasai oleh syarat-syarat dalam Undang-undang Inggeris.

(3) Apabila didapati tidak ada pembayaran yang cukup di kedua-dua pihak pemberian dan urusan itu akan disifatkan sebagai yang telah diperbuat dengan sukarela dalam sebarang hal di antara suami atau di antara salah satu daripada mereka dan orang-orang yang dia berhutang kepadanya.

Bahagian 8

Memeluk Agama Islam

123. Majlis akan menyimpan daftar yang mengandungi nama-nama semua orang-orang mualaf dalam Singapura, bersama-sama dengan keterangan-keterangan mengenai pemelukan agama itu sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

124. Tidaklah boleh seseorang dimasukkan ke agama Islam selain dari menurut hukum Islam dan syarat-syarat yang terkandung dalam Undang-undang ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Undang-undang tersebut.

125. Seorang Islam yang mengislamkan seseorang lain hendaklah dengan serta merta melaporkan pemelukan agama Islam itu kepada Majlis dengan memberi keterangan-keterangan yang perlu.

Bahagian 9

Kesalahan-Kesalahan

126. Kecuali dinyatakan dengan tegasnya dalam Undang-undang ini, bahagian ini dari Undang-undang ini akan dikenakan kepada orang-orang Islam sahaja.

127. Seseorang yang dikehendaki oleh Undang-undang ini bagi melakukan pendaftaran sesuatu perkahwinan, perceraian atau perujukan, tidak melakukannya dalam tempoh yang telah ditetapkan, adalah melakukan satu kesalahan dan apabila didapati salah boleh didenda tidak lebih daripada \$500.

128. Barang siapa yang –

- (A.) Enggan atau cuai menyerahkan buku atau materi jawatannya kepada Pendaftar menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh Undang-undang ini; atau
- (B.) Didapati menyimpan buku-buku atau materi jawatannya tanpa sebab-sebab yang sah setelah buku atau materi jawatan itu sewajarnya diserahkan atau diambil oleh Pendaftar,

Akan bersalah melakukan satu kesalahan dan boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada \$500 atau dipenjarakan selama tidak lebih daripada 6 bulan atau dijatuhkan hukuman kedua-dua didenda dan dipenjarakan.

129. Barang siapa selain dari Pendaftar, seorang Kadi atau Naib Kadi yang -

(A.) Menyimpan buku yang kononnya merupakan suatu

Daftar Perkahwinan, Perceraian atau

Perujukan orang Islam; dan

(B.) Mengeluarkan kepada seseorang suatu surat

yang kononnya suatu Sijil Perkahwinan,

Perceraian atau Perujukan,

akan bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila didapati salah akan dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada \$500 atau dipenjarakan selama tidak lebih daripada 6 bulan atau dijatuhkan hukuman denda dan penjara kedua-keduanya.

Akad Nikah Yang Haram

130. Barang siapa pun yang –

(A.) Mengakadkan atau kononnya mengakadkan nikah di antara

orang-orang Islam dengan melanggar syarat-syarat dalam undang-undang ini; atau

(B.) Mengeluarkan kepada seseorang suatu surat

yang kononnya suatu Sijil Perkahwinan,

Perceraian atau Perujukan,

akan bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila didapati salah boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada \$500 atau dipenjarakan selama tidak lebih daripada 6 bulan atau dijatuhkan hukuman denda dan penjara kedua-duanya.

Bersekedudukan Di luar Nikah

131. – (1) Seorang lelaki yang bersekedudukan dan tinggal dengan seorang perempuan yang belum bernikah dengannya akan bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila didapati salah boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada \$500 atau dipenjarakan selama tidak lebih daripada 6 bulan atau dijatuhkan hukuman denda dan penjara kedua-duanya.

(2) Seorang perempuan yang bersekedudukan dan tinggal dengan seorang lelaki yang belum bernikah dengannya akan bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila didapati salah⁵ boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada \$500 atau dipenjarakan selama tidak lebih daripada 6 bulan atau dijatuhkan hukuman denda dan penjara kedua-duanya.

Memujuk-Menggoda Perempuan Yang Belum Bernikah

Daripada Penjagaan Wali

132. Barang siapa yang mengambil atau memujuk menggoda seorang perempuan yang belum bernikah daripada penjagaan walinya tanpa izin wali itu, ia akan bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila didapati bersalah boleh dihukum dengan menjatuhkan hukuman penjara selama tidak lebih daripada 3 tahun boleh juga dijatuhkan hukuman denda.

Masjid-masjid Yang Haram

133. Barang siapa, dengan melanggar syarat-syarat yang terkandung dalam fasal 77 dalam Undang-undang ini, mendirikan sebuah masjid, atau mewakafkan atau menggunakan bangunan yang sedia ada sebagai atau untuk tujuan-tujuan sebuah masjid, tanpa izin Majlis yang bertulis, akan bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila didapati salah boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada \$500 atau dipenjarakan selama tidak lebih 6 bulan atau dijatuhkan hukum denda dan penjara kedua-duanya.

Tidak Membayar Zakat Atau Fitrah

134. – (1) Barang siapa yang mewajibkan membayar zakat atau fitrah dan dengan dan dengan tidak mendapatkan pembatalan atau perubahan terhadap tanggungan itu menurut fasal 74 dalam Undang-undang ini, enggan atau sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu akan bersalah melakukan satu kesalahan dan apabila didapati salah boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada \$500 atau dipenjarakan selama tidak lebih 6 bulan atau dijatuhkan hukuman kedua-dua didenda dan dipenjarakan.

(2) Suatu hukuman yang dijatuhkan di bawah fasal ini tidak pula bermakna hutang zakat fitrah itu telah berbayar.

(3) Zakat atau fitrah yang sewajibnya dibayar oleh seseorang, atau harga zakat fitrah itu, boleh didapatkan daripadanya seolah-olah beras atau padi, haiwan-haiwan atau wang yang terlibat telah diperintah supaya dikirimkan kepada Majlis melalui perintah mahkamah yang sah atau seperti juga harga zakat fitrah itu boleh didapatkan daripada sebagai suatu denda yang dikenakan menurut syarat-syarat di dalam undang-undang ini.

⁵ Perkataan sepatutnya ialah bersalah

Laporan Pemelukan Agama Islam

135. Barang siapa yang terwajib melaporkan kepada Majlis hal pemelukan agama Islam menurut syarat-syarat dalam Undang-undang ini dengan sengaja mencuaikan atau lalai berbuat demikian akan bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila di dapati salah boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada \$500 atau dipenjarakan selama tidak lebih 6 bulan atau dijatuhkan hukuman kedua-dua didenda dan dipenjarakan.

Syarahan-syarahan Agama

136. – (1) Tidak seseorang pun yang pada lazimnya tidak bermastautin di Singapura atau di Persekutuan Tanah Melayu boleh memberi kuliah atau syarahan mengenai agama Islam di sebarang tempat di mana orang ramai atau sesuatu kumpulan orang ramai boleh dapat mengunjunginya kecuali ia memperoleh keizinan bertulis daripada Majlis.

(2) Barang siapa melanggar syarat-syarat pecahan (1) dari fasal ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila didapati salah boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada \$500 .

Bersyubhah

137. Barang siapa yang mencuba hendak melakukan, atau bersyubhah hendak melakukan sebarang kesalahan di bawah Undang-undang ini boleh dihukum dengan hukuman yang setara seolah-olah ia telah melakukan kesalahan tersebut.

Bahagian 10

Pelbagai Hal Atau Rampaian

138.- (1) Tiap-tiap seorang Pendaftar, Kadi dan Naib Kadi adalah menjadi pekerja berkuasa dalam bidang erti kata *Penal Code*.

(2) Semua perbicaraan dalam Mahkamah Syariah atau di hadapan Pendaftar atau seorang Kadi atau Naib Kadi di bawah Undang-undang ini akan disifatkan sebagai perbicaraan kehakiman dalam bidang erti bab 11 *Penal Code*.

Saksi

139. Kadi atau Naib Kadi yang menjalan suatu siasat - perkara boleh memanggil seorang yang dipercayainya mungkin dapat memberi keterangan-keterangannya berhubung

dengan perkara pertelingkahan yang dibicarakananya itu dan boleh menyelidiki orang itu secara mengangkat sumpah.

Pemeriksaan Dan Penyelidikan

140.- (1) Daftar Umum dan Penunjuk Umum Pendaftar hendaklah bebas diperiksa oleh barang siapa pun yang memohon memeriksa setelah menjelaskan bayaran yang ditetapkan.

(2) Pendaftar, setelah bayaran yang ditetapkan dijelaskan, akan memberikan kepada sesiapa pun jua yang memohonkan suatu salinan catitan yang diakui dan ditandatangani dan dibubuh materi jawatannya.

Bukti

141. Daftar Umum dan Salinan Catitan Daftar dari Daftar Umum itu yang diakui dan ditandatangani dan dimaterikan dengan materi pendaftaran sebagai satu salinan atau petikan yang benar akan menjadi keterangan atau bukti yang kuat dalam semua mahkamah-mahkamah pengadilan dan lembaga-lembaga pengadilan di Singapura, mengenai tarikh-tarikh dan tindakan-tindakan yang terkandung atau tercatat dalam Daftar, Umum, salinan atau petikan tersebut.

Peraturan-Peraturan

142. - (1) Yang di-Pertuan Negara boleh membuat peraturan-peraturan yang olehnya dianggap perlu atau berguna bagi tujuan melaksanakan syarat-syarat yang terkandung dalam Undang-undang ini.

(2) Peraturan-peraturan seperti itu di antara lain-lain perkara boleh menetapkan bayaran-bayaran yang akan dikenakan oleh Mahkamah Syariah dan oleh Pendaftar, Kadi, Naib-naib Kadi dan penggunaan dan cara mengenakan bayaran-bayaran tersebut.

Mewakillan Kuasa

143.- Yang Dipertuan Negara mewakillan penggunaan atau pelaksanaan semua atau sebahagian daripada kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang ini kepada Menteri.

Pemansuhan Undang-undang 25, Tahun 1957

144.- Dengan ini maka Undang-undang Islam 1957 dimansuhkan.

